



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

Jilid II

Bil. 16

Hari Rabu

30hb November, 1988

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Mahkamah Juvana (Pindaan)

(Ruangan 37)

Rang Undang-undang Bidan (Pindaan dan Perluasan)

(Ruangan 98)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 30hb November, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

MOGOK LAPAR OLEH TAHANAN ISA

1. **Tuan Tan Chai Ho** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) apakah langkah telah diambil untuk menyelesaikan masalah mogok lapar yang dilancarkan oleh tahanan ISA di Kem Kamunting baru-baru ini; dan
- (ii) berapa orang telah dan akan didakwa sejak penguatkuasaan Akta Polis sebab mengadakan perhimpunan haram.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob**]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Tindakan mogok lapar yang dilancarkan oleh 18 orang tahanan ISA di Kem Tahanan Kamunting baru-baru ini telah dapat diselesaikan oleh pihak berkuasa tempat tahanan dan Ibu Pejabat Penjara dengan baik. Langkah dan tindakan yang telah diambil bagi menghadapi mogok lapar tersebut adalah seperti berikut:-

- (1) Semua Pegawai Penjara telah tidak dibenarkan bercuti sepanjang mogok lapar kecuali cuti kecemasan yang diluluskan oleh Penguasa Kanan Penjara I.

- (2) Semua Pegawai Penjara yang tinggal dalam kawasan Pusat Tahanan tidak dibenarkan meninggalkan kawasan Kem kecuali dengan kebenaran Penguasa Kanan Penjara I dan II.
- (3) Sebuah Bilik Gerakan diadakan sepanjang tempoh mogok lapar. Dua orang Pegawai Kanan dan dua orang Pegawai Penjara Tingkatan I ditugaskan mengikut giliran daripada pukul 7.00 pagi hingga 9.00 malam dari akan disambung oleh Pegawai Yang Menjaga Malam. Sebuah buku khas disediakan untuk mencatatkan segala kejadian dan perkembangan yang berlaku. Bilik ini dilengkapi dengan telefon dan "Walkie Talkie", dengan izin.
- (4) Unit Perubatan (Medical Unit) sentiasa dibuka di Rumah Sakit Dalam dengan diawasi oleh seorang Pembantu Perubatan dan kakitangan-kakitangan lain daripada Hospital Daerah Taiping sekiranya terdapat apa-apa masalah yang berkaitan dengan orang tahanan.
- (5) Seorang Pegawai Kanan (Penolong Penguasa Tingkatan Biasa) ditugaskan bersama-sama 3 orang Pegawai Penjara Lelaki dan seorang Pegawai Penjara Wanita. Pegawai Penjara Lelaki dilengkapi dengan Sterling dan Pistol. Sebuah "Walkie Talkie" diletakkan di sana sebagai alat perhubungan cepat. Semua segi keselamatan telahpun diterangkan kepada pegawai-pegawai yang berkenaan. Semua kenderaan keluar-masuk adalah diperiksa dengan teliti. Pintu masuk juga sentiasa dikunci.

- (6) Dua Pegawai Penjara Lelaki dan seorang Pegawai Penjara Wanita ditugaskan di pintu besar dengan bersenjatakan pistol. Semua segi keselamatan telah diterangkan kepada Pegawai Penjara berkenaan. Pintu masuk sentiasa ditutup.
 - (7) Pegawai Jaga Malam bersama-sama Ketua Jaga Malam membuat rondaan tambahan bagi setiap giliran bertugas ke kawasan-kawasan orang tahanan.
 - (8) Pihak Berkuasa Kem juga sentiasa berbuhung dengan pihak Polis Kamunting dan Taiping sebagai mengatasi sebarang masalah yang timbul akibat daripada kejadian mogok lapar tersebut.
- (b) Semenjak penguatkuasaan Akta Polis hanya 22 orang telah didakwa di mahkamah atas sebab mengadakan perhimpunan haram.

Datuk Haji Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Biasanya tempat-tempat tahanan adalah tempat yang terasing daripada masyarakat umum. Bagaimanakah hal mogok lapar tahanan ISA di Kem Kamunting boleh diketahui oleh umum, dan jika diketahui, siapa yang menghebahkan berita ini? Adakah ini dianggap sebagai satu kesalahan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kem Tahanan ini merupakan tempat yang berasingan dan jauh daripada orangramai namun saudara mara dan sahabat handai boleh bertemu dengan pihak-pihak orang yang ditahan. Juga, surat menyurat boleh keluar-masuk setelah ditapis di antara saudara-mara dan juga

orang-orang tahanan. Dengan sebab itu segala kegiatan mereka untuk mengadakan mogok lapar ini boleh diketahui oleh sahabat handai dan juga keluarga mereka sendiri.

Tuan Tan Chai Bo: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan apakah komen atau laporan telah dibuat oleh kedua-dua orang wakil dari- IPU berkenaan dengan lawatan mereka ke Kem Kemunting di Taiping?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun wakil-wakil IPU ini telah dibenarkan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri dan juga pihak Penjara untuk bertemu dengan pihak-pihak tahanan selama 2 jam, setelah mereka keluar daripada perjumpaan itu mereka tidak pun mengeluarkan apa-apa kenyataan atau pun memberi apa-apa laporan. Dengan sebab itu, kita tidak ketahui apakah laporan yang diketahui oleh mereka.

Tuan V.K. Sellappan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri menjelaskan sama ada seseorang itu boleh didakwa sekiranya mereka mengadakan perhimpunan haram bagi menunjukkan kekuatan politiknya. Contohnya apabila mesyuarat sesuatu parti dijalankan mereka ini berkumpul di luar bangunan mesyuarat. Apakah tindakan diambil terhadap mereka ini mengikut Akta Polis?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat soalan ini jauh terkeluar daripada soalan asal.

Tuan R.M. Jasni: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari Timbalan Menteri Dalam Negeri apakah benar seperti yang diberitakan bahawa Ketua Pembangkang makan semasa mogok lapar?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara ini sedang dibawa ke mahkamah, saya tidaklah mahu menokok-tambah tentang perkara ini.

ANUGERAH JAGOH SUKAN

2. **Tuan Azumu bin Tak** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sama ada anugerah Jaguh Sukan Peringkat Negeri akan diperkenalkan oleh Kerajaan dan jika ianya dianugerahkan oleh Kerajaan Negeri-negeri, adakah diiktiraf oleh Kerajaan Pusat.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Cik Teng Gaik Kwan]: Tuan Yang di-Pertua, Anugerah Sukan Peringkat Negeri tidak diperkenalkan oleh Kerajaan dan itu terpulanglah kepada budibicara Kerajaan Negeri memperkenalkan serta mewujudkan Anugerah Sukan kepada **atlit-atlit** sebagai perangsang dan penghargaan Kerajaan Negeri terhadap usaha-usaha mereka yang mencapai kecemerlangan sukan bagi mengharumkan nama negara.

Kerajaan Pusat akan mengiktiraf Anugerah Sukan Peringkat Negeri sekiranya diperkenalkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, Pemenang-pemenang Anugerah Sukan Peringkat Negeri adalah layak dipertimbangkan untuk mendapat beberapa skim insentif seperti skim Hadiah Kemenangan Sukan dan Skim Perangsang Ahli Sukan yang ditawarkan oleh Majlis Sukan Negara. Skim-skim insentif ini merupakan langkah-langkah Kerajaan untuk menjaga kebajikan **atlit-atlit** yang berusaha untuk menaikkan imej negara melalui pertandingan sukan.

Puan Lau Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan menerangkan mengenai Skim Hadiah Kemenangan Sukan dan kedua Skim Perangsang Ahli Sukan. Bolehkan Yang Berhormat terangkan sedikit dua skim tersebut.

Cik Teng Gaik Kwan: Tuan Yang di-Pertua, Skim Hadiah Kemenangan Sukan merupakan salah satu usaha yang dijalankan oleh Majlis Sukan Negara Malaysia untuk membantu atlet-atlet ke arah kecemerlangan sukan dan sebagai satu penghargaan kepada atlet-atlet dalam pencapaian dan pengorbanan yang dilakukan oleh atlet-atlet itu dalam usaha mencapai kejayaan bagi mengharumkan nama negara. Skim Hadiah Kemenangan Sukan dibahagikan kepada dua kategori iaitu untuk atlet dan jurulatih.

Dari segi kategori pembahagian hadiah, Skim Hadiah Kemenangan Sukan diberi kepada pemegang pingat dan hadiah kemenangan pemegang rekod baru. Bagi hadiah kemenangan tanya dibahagikan kepada tiga kumpulan:

Kumpulan A, kemenangan di peringkat dunia yang setaraf dengan Temasya Sukan Olympic sahaja;

Kumpulan B, kemenangan di peringkat ASEAN dan Commonwealth;

Kumpulan C, kemenangan di peringkat Asia Tenggara seperti Sukan SEA yang akan diadakan pada tahun hadapan.

Bagi hadiah kemenangan pemegang rekod baru, ia juga dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu di peringkat Sukan Olympic, Sukan ASIA/ Commonwealth dan Sukan SEA,

Di atas kesuntukan masa, saya tidak bercadang mengambil masa yang panjang untuk memberi penerangan yang detail mengenai skim ini. Maklumat yang detail mengenai skim ini seperti nilai hadiah dan syarat-syarat memenangi skim hadiah, kemenangan sukan serta

lain-lain maklumat yang berkaitan akan saya berikan secara bersurat sekiranya terdapat permintaan dari Ahli Yang Berhormat melalui notis.

Satu lagi skim perangsang ahli sukan ialah membantu ahli sukan yang terpilih menjalani latihan. Skim ini bernilai \$250; \$200 dan \$150 sebulan untuk membantu pentadbiran sahaja.

DASAR PENSWATAAN

3. Tuan Hassan bin Harun minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) apakah langkah-langkah yang diambil untuk menjamin supaya kepentingan bumiputera tidak terkorban dalam pelaksanaan dasar pengswastaan memandangkan kaum bumiputera tidak mempunyai keupayaan yang cukup dari segi kewangan (modal) dan kepakaran (expertise) bagi menyahut peluang-peluang yang terkandung dalam dasar itu; dan
- (ii) berapa banyak dan apakah industri atau perusahaan yang telah diswastakan di seluruh negara dan berapa peratuskah ekuiti bumiputera dan kepentingan serta nilainya dalam badan-badan ini.

Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad]: Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada objektif Dasar Penswastaan ialah untuk meningkatkan peluang bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Sebagai salah satu instrument Dasar Ekonomi Baru, kepentingan bumiputera seperti yang terkandung dalam Dasar itu sentiasa dipatuhi. Antara lain, garis panduan yang diikutisemasa menswastakan sesuatu projek ialah seperti berikut:

- (a) 30% daripada modal berbayar syarikat yang hendak mengambil alih perkhidmatan atau syarikat Kerajaan hendaklah ditawarkan kepada PNB;
- (b) bagi perkhidmatan Kerajaan yang telah disyarikatkan (corporatise), 51% daripada saham syarikat tersebut akan ditawarkan kepada PNB semasa diswastakan;

- (c) bagi penswastaaan Syarikat Amanah Kerajaan, garis panduan pemindahan hakmilik Kerajaan kepada bumiputera adalah diikuti dengan sepenuhnya. Syarikat-syarikat ini akan diswastakan kepada syarikat-syarikat bumiputera sahaja;
- (d) 30% dari akuiti syarikat Kerajaan bukan syarikat amanah yang akan dijual adalah diperuntukkan kepada bumiputera;

Dalam keadaan di mana golongan bumiputera difikirkan tidak mempunyai modal dan kepakaran bagi mengambil alih perkhidmatan dan syarikat Kerajaan, Institusi-institusi Bumiputera seperti Lembaga Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan PNB akan dijemput untuk mengambil saham-saham yang telah dihadkan kepada bumiputera. Institusi-institusi seperti ini mempunyai modal dan kepakaran untuk mengambil alih perkhidmatan dan syarikat Kerajaan yang hendak diswastakan.

Setakat ini 19 perkhidmatan syarikat Kerajaan, telah diswastakan yang melibatkan perusahaan-perusahaan pembinaan, pertanian, perhubungan, utilities dan perkhidmatan. Antaranya adalah seperti berikut:

- (a) Jalan Pintas Kelang Utara dengan nilai saham berjumlah \$20.5 juta dimiliki sepenuhnya oleh bumiputera;
- (b) Terminal Kontena Pelabuhan Kelang dengan nilai saham berjumlah \$56.9 juta, 49% daripada saham syarikat dipegang oleh Lembaga Pelabuhan Kelang dan 80% daripada baki saham syarikat itu dimiliki oleh Kontena Nasional Sdn. Bhd. iaitu sebuah anak syarikat PNB;
- (c) Depo Baik Pulih Kapal terbang dengan nilai saham berjumlah \$72.8 juta. Daripada 52% saham milikan warganegara Malaysia 33.1/3% dipegang oleh Kerajaan Malaysia dan 33.1/3% dipegang oleh MAS.

- (d) Jejambat Jalan Kuching dengan nilai saham berjumlah \$86 juta. Syarikat yang diberi konsesi mempunyai 35% ekuiti bumiputera.
- (e) Jabatan Telekom Malaysia dengan nilai sejumlah \$4,000 juta. 100% saham masih dimiliki oleh Kerajaan.

Puan Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mengikut perancangan Kerajaan projek apakah pula yang hendak diswastakan bagi tahun 1989 nanti?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai satu senarai yang agak panjang juga, tetapi di antara projek-projek yang akan diswastakan mungkin dalam tahun 1989 ataupun lewat daripada itu ialah Lembaga Letrik Negara, Keretapi Tanah Melayu, Lapanganterbang-lapanganterbang, Pelabuhan Kelang dan beberapa lagi yang lain.

Tuan A.K. Sivalingam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, apakah faedah yang dinikmati atau didapati oleh kaum India dalam pelaksanaan Dasar Penswastan setakat ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, dalam Dasar Ekonomi Baru kita tak sebut sama ada India atau lain-lain kaum, cuma kita kata 'bukan bumiputera' sahaja dan saya yakin di antara bukan bumiputera ini termasuk jugalah orang India.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah mengenai apa yang telah diberitahu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi bahawasanya kira modal kaum bumiputera tidak mencukupi badan-badan dan institusi-institusi itu akan diarah supaya mengambil bahagian. Tetapi sekiranya badan-badan ini di 'spread very thin' dari segi kapitalnya apakah kemungkinan Kerajaan akan tangguh usaha-usaha penswastan sehingga kemampuan bumiputera terjamin?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, dalam kes yang semacam ini kita tidak dapat tangguh. Apa yang kita biasa buat seperti juga dalam pelaburan-pelaburan asing di dalam negara kita ialah kita membenarkan saham-saham itu dipegang oleh bukan bumiputera ataupun orang-orang asing dahulu dengan syarat pada satu masa kelak mereka akan menjual balik sebahagian daripada saham itu kepada bumiputera untuk menentukan bahawa bumiputera mendapat bahagian dalam pengagihan saham-saham ini.

PROJEK ENDAU ROMPIN

4. Dato Haji Abdul Hamid bin Haji Latif minta Menteri Pertanian menyatakan setelah Kerajaan berbelanja lebih kurang \$70 juta bagi perancangan tanaman padi di Endau Rompin, Pahang dan didapati tanah tersebut tidak sesuai ditanam padi, apakah rancangan Kerajaan yang sedang diatur untuk memajukan Projek Endau Rompin itu supaya wang yang telah dibelanjakan sebanyak lebih kurang \$70 juta itu tidak membazir.

Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed]: Tuan Yang di-Pertua, adakah tidak benar sekiranya kawasan Rompin Endau itu dikatakan tidak sesuai ditanam dengan tanaman padi. Ini kerana kajian yang dijalankan pada tahun 1978 oleh perunding Snowy Mountains Engineering Corporation dari Australia dan dibantu oleh International Land Development Consultants (ILACO) serta KPM Khidmat Sdn. Bhd. dari Malaysia, telah mengenalpasti kawasan seluas 19,200 hektar di Rompin-Endau sebagai kawasan sesuai untuk tanaman padi. Berdasarkan kepada kesesuaian kajian inilah Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Rompin Endau telah dirancang dan dilaksanakan. Walau bagaimanapun, memandangkan keputusan telah dibuat oleh Kerajaan pada tahun 1985 untuk mengurangkan pengeluaran beras ke tahap 55% - 60% keperluan negara dan kawasan Projek Rompin Endau tidak dianggap sebagai salah satu daripada kawasan jelapang padi negara, maka Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Rompin Endau telah dibubarkan pada akhir tahun 1986.

Sebagai usaha bagi memastikan infrastruktur-infrastruktur yang telah dibina itu tidak terbiar, langkah-langkah telah diambil untuk mengagihkan kepada agensi-agensi berkenaan. Ini termasuklah Ampangan Anak Endau dan Ampangan Pontian yang akan digunakan oleh JKR untuk bekalan air domestik bagi bandar-bandar yang berdekatan. Ianya juga sekiranya sesuai, akan digunakan oleh LLN untuk Projek Mini-hidro. Kompleks Pejabat dan rumah kakitangan projek telahpun diserahkan kepada LPP untuk dijadikan pusat latihan. Di kawasan Rompin-Endau yang berjumlah 300 hektar di mana infrastruktur pengairannya dan lain kemudahan telah siap sepenuhnya serta peserta-pesertanya telah dimasukkan (31 peserta), kawasan tersebut akan diteruskan dengan tanaman padi sehingga keputusan sebaliknya dibuat.

Pembangunan Kawasan Rompin Endau (tidak termasuk Rompin-Utama) selanjutnya telah diserahkan kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan Kerajaan Negeri. Di kawasan tersebut infrastruktur-infrastruktur pengairan yang dibina akan diubahsuai mengikut keperluan jenis tanaman baru yang akan dimajukan.

STRATEGI PEMBANGUNAN EKONOMI

5. Tuan Hassan bin Nam minta Perdana Menteri menyatakan iaitu apakah strategi ekonomi dan perindustrian yang telah dirancangan oleh Kerajaan bagi membolehkan Malaysia mencapai taraf negara industri baru (NIC) dalam dekad yang akan datang. Adakah Kerajaan bercadang untuk mencontohi dan melaksanakan program ekonomi dan perindustrian seperti yang telah terbukti berjaya di negara-negara bertaraf NIC (Korea Selatan, Taiwan, Hongkong dan Singapura).

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, strategi pembangunan ekonomi dan sosial negara ini adalah seperti yang dirumuskan di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang ataupun 'Outline Perspective Plan 1971-1990' dan rancangan-rancangan Lima Tahun Malaysia serta program-program tertentu seperti Pelan Induk Perindustrian 1986-1995

dan Polisi Pertanian Negara. Matlamat utama kita adalah untuk meningkatkan taraf hidup penduduk di negara ini. Ini akan dilaksanakan melalui strategi yang boleh meningkatkan dengan pesat kadar pertumbuhan ekonomi negara dan pertambahan eksport terutama barangan pembuatan. Kedua-dua matlamat ini akan tercapai sekiranya kita dapat meningkatkan tahap teknologi, daya produktiviti dan kemahiran serta kualiti tenaga pekerja.

Dalam hubungan ini, Kerajaan sentiasa memberi keutamaan kepada program memperbaiki infrastruktur fizikal dan sosial di dalam rancangan-rancangan pembangunannya. Melalui pembentukan sikap yang lebih sesuai dengan pembangunan, kita berharap daya produktiviti akan meningkat dan menjadikan kita lebih kompetitif.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidaklah bercadang untuk mencontohi dan melaksanakan program ekonomi dan perindustrian seperti yang telah terbukti berjaya di negara-negara bertaraf NIC. Ini adalah memandangkan keadaan sumber alam dan sumber tenaga manusia serta struktur ekonomi dan sosio-politik yang berbeza di antara negara-negara berkenaan dengan negara kita. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengambil teladan dari pengalaman negara-negara berkenaan dalam membentuk strategi ke arah pencapaian matlamat pembangunan ekonomi dari sosial seperti yang dirumus di dalam dasar-dasar yang saya sebutkan tadi. Yang nyata ialah strategi yang kita bentuk dan amalkan berjaya meningkatkan ekonomi negara dengan pesat.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adakah perkara-perkara yang berkemungkinan menjadi masalah-masalah yang boleh menggagalkan ataupun melambatkan usaha-usaha Kerajaan untuk membolehkan Malaysia mencapai taraf negara industri baru ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, memang ada beberapa masalah, di antaranya ialah kestabilan politik yang mana kalau kita tidak berjaya mencapai kestabilan politik maka ini akan menyebabkan pembangunan negara kita terjejas. Juga masalah ialah membentuk sikap yang lebih sesuai dengan pembangunan, kita dapati di Malaysia ini kadang-kadang terdapat tindakan dan tingkah-laku yang tidak begitu sesuai dengan usaha untuk mempercepatkan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim.

Dato Haji Abdul Hamid bin Haji Latif: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 6.

DASAR PERTANIAH NEGARA,

6. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif [di bawah 3.0.23(2)] minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) Bagaimana kedudukan prestasi Dasar Pertanian Negara telah berjaya mewujudkan petani-petani komersial terutamanya dari pekebun-pekebun kecil serta sumbangannya kepada pendapatan pengeluaran negara; dan
- (b) Adakah Kementerian ini telah mengenalpasti buah-buahan tempatan lain yang berpotensi untuk dieksport selain daripada buah-buahan yang telah sedia dieksport iaitu durian, jambu batu, manggis, pisang, betik dan belimbing besi.

Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed]: Tuan Yang di-Pertua, menjawab bahagian:

- (a) Pengusahaan pertanian secara komersial merupakan antara ciri utama Dasar Pertanian Negara. Semenjak dasar ini dilaksanakan dalam tahun 1984, pertanian secara komersial telah diperkenal dan dipergiatkan di kalangan petani-petani meliputi aktiviti-aktiviti penanaman padi, sayur-sayuran, buah-buahan, koko dan aktiviti-aktiviti ternakan haiwan seperti ayam, biri-biri serta lembu dan aktiviti ternakan ikan. Walaupun sumbangan kaedah perladangan secara ini kepada pendapatan pengeluaran negara tidak dapat dipastikan, tetapi apa yang nyata dari kajian-kajian yang telah dijalankan bagi projek-projek tertentu ialah pertanian secara ini telah banyak memberi faedah. Ini

termasuk dari segi penggunaan amalan pertanian moden, peningkatan penggunaan jentera, pengurusan ladang yang lebih baik, pengurangan kos pengeluaran dan peningkatan hasil yang lebih tinggi. Pembangunan pertanian secara komersial ini telah juga diperkenalkan kepada petani-petani siswazah seramai 649 orang (sehingga Oktober 1988) yang berdaftar dengan Kementerian Pertanian. Seramai 144 orang daripada mereka telahpun memulakan projek-projek pertanian secara komersial ini.

Bagi menjawab bahagian

- (b) Pihak Kementerian telah mengenalpasti nanas, tembikai, mangga, nangka, rambutan, duku langsung, ciku dan cempedak sebagai buah-buahan yang berpotensi untuk dieksport selain daripada durian, jambu batu, manggis, pisang, betik dan belimbing besi. Destinasi pasaran yang dikenalpasti adalah pasaran di Eropah, Jepun, Hong Kong, Singapura, Brunei dan Asia Barat. Potensi di pasaran ini adalah berasas kepada aliran pertambahan import buah-buahan tropika oleh negara berkenaan dari setahun ke setahun, sejumlah eksport buah-buahan tersebut yang terus bertambah daripada negara ini. Dalam tahun 1987, Malaysia telah mengeksport buah-buahan sebanyak 43,581 tan metrik berbanding dengan 36,999 tan metrik dalam tahun 1986.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, saya menyokong usaha Kerajaan kita mengeksport buah-buahan tempatan seperti durian kita ke negara Jepun dan Hong Kong dan lain-lain. Adakah Kerajaan mengambil tindakan untuk memastikan eksport buah-buahan tidak

menjejaskan permintaan dan harga jualan buah-buahan di Malaysia,

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan akan sentiasa meneliti dalam suasana kita mengeksport buah-buahan kita supaya dianya tidak menjejaskan sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah: Soalan tambahan. Tidak lama dahulu kita dengar bahawa pisang emas merupakan satu daripada buah-buahan yang sangat popular dieksport ke Jepun, tetapi akhir-akhir ini saya difahamkan harga pisang emas ini telah menurun dan apakah ini benar? Kalau benar apakah langkah yang diambil untuk mengatasinya dan kalau tidak benar apakah langkah untuk memperluaskan tanaman pisang emas ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, soal pisang masa ini telah banyak diperkatakan. Sebenarnya, soal pokok pada hari ini ialah pembungkusan (packaging) lebih-lebih lagi apakala kita ingin hendak mengeksport ke negara Jepun. Oleh sebab negara Jepun adalah sebuah negara yang mementingkan soal lahir ini, kulit elok tidak calar dan segala-galanya. Jadi, saya menyerulah kepada Yang Berhormat supaya memberitahu kepada penanam-penanam kita bahawa dalam soal memetik buah-buah pisang ini halusilah tentang menjalankan kegiatannya ataupun pengendaliannya; dan

Kedua, memberi tahu kepada mereka supaya jangan berhenti menanam pisang emas ini, ianya masih laku.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan adakah rancangan baru atau insentif baru akan diberikan kepada pekebun-pekebun buah-buah supaya menggalakkan eksport buah-buahan tempatan ke luar negeri.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kita mempunyai insentif atau galakan yang tertentu dan insentif-insentif ini kalau diambil perhatian oleh penanam-penanam kita, saya berpendapatan pengeksportan buah-buah kita akan menjadi satu usaha yang boleh menguntungkan penanam-penanam pokok buah-buahan. Insentifnya, umpamanya, taraf perintis ini diberi kepada penanam-penanam pokok buah-buahan juga kredit cukai pelaburan. Ini juga dihulur kepada penanam-penanam pokok buah-buahan dan ada lagi insentif-insentif yang lain. Jadi, jikalau Yang Berhormat ingin mengetahui dengan lebih lanjut, silalah temui kami.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, prestasi Dasar Pertanian Negara tidak dapat dicapai ke tahap yang dikehendaki oleh Kerajaan kerana beribu-ribu tanah ataupun rancangan tanah yang telah diberi kepada rakyat terbiar sahaja. Apakah cadangan ataupun panduan Kementerian Pertanian telah beri kepada Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, kita sentiasa berhubung rapat dengan Kerajaan Negeri. Kita minta Kerajaan Negeri memberi kerjasama dan kita minta juga Yang Berhormat sendiri memberi kerjasama yakni memberi tahu kepada petani-petani kita supaya jangan membiarkan tanah itu terbiar. Soal terbiar ini kerana kita sendiri membiarkan ianya terbiar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Tan Chong Keng.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 7.

PEGAWAI PERUBATAN ASING DI HOSPITAL KERAJAAN

7. Tuan Tan Chai Ho (di bawah S. 0. 23(2)) minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan doktor perubatan asing yang bertugas di Hospital-hospital Kerajaan Malaysia secara kontrak pada tahun 1988 serta hospital-hospital di manakah mereka ini ditempatkan;
- (b) negara-negara asing di mana kelayakan perubatan Universiti atau institusi pendidikan tinggi adalah diiktirafkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dr. Ting Chew

Peh]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sehingga 31.10.1988 seramai 128 orang Pegawai Perubatan asing bertugas secara kontrak dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Penerapatan mereka adalah seperti berikut:-

	<u>Negeri</u>	<u>Bilangan (orang)</u>
1.	Sabah	18
2.	Selangor	13
3.	Sarawak	12
4.	Wilayah Persekutuan	12
5.	Perak	13
6.	Trengganu	11
7.	Johor	10
8.	Pahang	9
9.	Negeri Sembilan	8
10.	Pulau Pinang	8

	Negeri	Bilangan (orang)
11.	Kedah	6
12.	Melaka	5
13.	Kelantan	2
14.	Perlis	1

Pada masa ini Kerajaan telah mengiktiraf kelulusan ijazah perubatan dari lebih 200 buah universiti dan institusi pendidikan tinggi di luar negeri. Senarai lengkap universiti dan institusi pengajian tinggi yang diiktiraf itu terkandung dalam Jadual Kedua Akta Perubatan Malaysia 1971. Antara negara-negara asing di mana kelayakan ijazah perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia termasuklah Amerika Syarikat, Australia, United Kingdom, Sri Lanka, Hong Kong, Singapura, India, Indonesia dan sebagainya.

Datuk Haji Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita maklumi, universiti-universiti di Malaysia terdapat di antaranya yang mengeluarkan doktor-doktor pada tiap-tiap tahun. Oleh sebab doktor-doktor dari universiti yang tertentu dapat dikeluarkan dan sebagaimana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, setakat ini kira-kira 128 orang doktor luar negeri yang berkhidmat di negara kita. Soalannya, agak dalam ramalan Yang Berhormat, bilakah masanya doktor-doktor dari negara asing tidak diperlukan lagi perkhidmatannya di negara kita berdasarkan pada tiap-tiap tahun negara kita mengeluarkan doktor-doktor sendiri?

Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, agak sukar untuk memberikan jawapan yang tepat pada ketika ini kerana pada ketika ini kita mempunyai nisbah doktor dengan penduduk iaitu seorang doktor untuk lebih kurang 2,600 orang penduduk. Jadi bergantung kepada matlamat kita, kalau kita ingin mengurangkan nisbah ini, maka tidak ada satu masa yang boleh kita katakan benar-benar kita mempunyai doktor yang mencukupi kerana kita boleh, misalaya, mempunyai lebih ramai doktor untuk memberikan perkhidmatan perubatan yang bermutu lebih tinggi.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, bolehkah sebutkan nama-nama universiti-universiti tempatan yang menawarkan ijazah perubatan di negara kita?

Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, universiti itu ialah Universiti Malaya, USM dan UKM.

Tuan Mustafa bin Awang: Saya minta penjelasan dari Setiausaha Parlimen Kementerian yang berkenaan, ada atau tidak anak negara ini yang lulusan doktor, sama ada dari dalam negeri ataupun luar negeri yang masih menganggur?

Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuan Kementerian ini, tidak ada.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen beritahu Dewan yang mulia ini, saya difahamkan doktor-doktor dari negara Russia telahpun dilantik secara kontrak walaupun degree-degree itu tidak diiktirafkan oleh Kerajaan. Sekiranya benar, apakah panduan daripada Kementerian Kesihatan melantik doktor-doktor dari luar negeri yang tidak diiktirafkan oleh Kerajaan? Sebagai contoh, ada doktor-doktor dari negara-negara jiran yang degree-degree itu tidak diiktiraf oleh Kerajaan masih menganggur, mereka adalah warganegara Malaysia.

Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan 14 orang doktor dari Russia itu, memang itu satu kuasa yang diberikan kepada Menteri Kesihatan untuk meluluskan pendaftaran mereka untuk satu tujuan yang tertentu iaitu untuk Hospital Mata di Pulau Langkawi yang dicadangkan itu.

BAHASA TAMIL BAGI DIPLOMA PENDIDIKAN DI UNIVERSITI MALAYA

8. Tuan V.K. Sellapan minta Menteri Pendidikan memberi penjelasan, pada suatu masa yang lalu, Universiti Malaya telah memberi Diploma Pendidikan dengan Pengkhususan Pengajaran Bahasa Tamil dan pada masa sekarang kursus ini tidak ditawarkan lagi. Bagaimanapun, kursus Diploma Pendidikan dengan Pengkhususan Pengajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina masih ditawarkan. Adakah kemungkinan Diploma Pendidikan dengan Pengkhususan Pengajaran Bahasa Tamil akan dipulihkan memandangkan perlunya guru-guru Bahasa Tamil bagi program KBSM. Jika tidak, mengapa.

Menteri Pendidikan [Tuan Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, kursus yang dimaksudkan iaitu Diploma Pendidikan bagi mata-pelajaran Bahasa Tamil memang diperkenalkan di Universiti Malaya pada tahun 1966 dan 1967 tetapi pelajar yang mengambil matapelajaran itu hanya 2 orang, akhirnya kursus itu ditutup, bukan kerana ada perubahan dasar ataupun kita tidak mahu memberi penekanan kepada pengajaran Bahasa Tamil tetapi pelajar sangat kurang, dan kalau sudah sampai 2 orang itu sahaja, sudah tidak boleh diteruskan lagi.

Puan Law Jack Yoon: Soalan tambahan, Yang Berhormat Menteri Pendidikan, pada masa sekarang apakah anggaran bilangan penuntut-penuntut yang mengikuti kursus Diploma Pendidikan dengan Pengkhususan Pengajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina di Universiti Malaya?

Tuan Aawar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai angka-angka keseluruhannya sekarang tetapi saya ingin memberi penekanan bahawa oleh kerana ketiga-tiga bahasa yang dimaksudkan ini dianggap penting dan kita mengalami kekurangan guru-guru dalam Bahasa Malaysia, Inggeris dan Cina, universiti-universiti tempatan telah diarah supaya mengambil lebih banyak pelajar-pelajar yang akan menjadi guru-guru terlatih dalam bahasa-bahasa yang disebutkan tadi.

PUSAT RACUN - PENUBUHAN

9. Tuan Chan Choong Tak minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada kita akan menubuhkan pusat racun kita sendiri. Sekiranya ya, bila dan di mana. Sekiranya tidak, sila berikan alasan.

Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, penubuhan pusat racun sedang diuruskan oleh pihak Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kesihatan, Kementerian

Pertanian dan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Jabatan Farmakologi, Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia telah dikenalpasti untuk menempatkan pusat ini yang dijangka beroperasi sebelum akhir tahun depan.

HOSPITAL DI PENGKALAN TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA, LUMUT

10. Tuan C. Krishnan minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah benar Hospital Tentera Laut akan dibina di Pengkalan Tentera Laut di Lumut. Jika ya, berapakah jumlah perbelanjaannya.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha] : Tuan Yang di-Pertua, benar, Kerajaan memang ada rancangan untuk membina sebuah hospital di Pengkalan Tentera Laut Diraja Malaysia, Lumut. Pada masa itu projek tersebut sedang di dalam urusan tender. Oleh kerana projek ini masih lagi dalam urusan tender, maka kosnya masih belum dapat diketahui dan ianya akan bergantung kepada tawaran yang diterima.

PENILAIAN KEMAJUAN BERASASKAN SEKOLAH

Tuan G. Rajoo minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (i) sebab-sebab peperiksaan "Penilaian Kebolehan Berasaskan Sekolah" dijalankan bagi murid-murid Tahun Enam di bawah Sistem KBSR;
- (ii) sama ada menjalankan peperiksaan ini bercanggah dengan konsep dan tujuan KBSR;
- (iii) apakah langkah-langkah yang dilaksanakan untuk menjaga keselamatan kertas soalan PKBS, supaya tidak bocor lagi, seperti yang berlaku di negeri Pulau Pinang baru-baru ini; dan
- (iv) apakah sebabnya penyediaan kertas soalan PKBS dijalankan di peringkat Negeri, walhal PKBS adalah penilaian yang berasaskan peringkat sekolah.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah (PKBS) dijalankan secara berterusan dalam KBSR kerana cara ini adalah cara yang lebih berkesan untuk mengukur pembelajaran murid. Guru-guru dapat mengesan masalah pembelajaran murid dan dengan itu berupaya mengambil langkah untuk memulihkan serta-merta tanpa menunggu sehingga kelemahannya terhimpun. Peperiksaan ini diteruskan bagi tiap-tiap tahun termasuk Tahun Enam,
- (ii) Saya ingin jelaskan dalam soalan yang ke(ii) itu bahawa peperiksaan secara begini tidak bercanggah bahkan dilaksanakan dengan tujuan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR).
- (iii) Berkaitan dengan langkah-langkah menjaga keselamatan kertas peperiksaan dalam soalan yang ke-(iii) ini, elok saya jelaskan bahawa apa yang dimaksudkan dengan pembocoran itu adalah tidak benar, kerana apa yang berlaku itu ialah soalan contoh yang diedarkan bagi sekolah-sekolah di negeri Pulau Pinang dan soalan contoh ini diedar oleh Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang dan Pejabat-pejabat Pendidikan Daerah.

Mengenai soalan berikut, langkah-langkah menjaga keselamatan kertas peperiksaan telahpun dibuat mengikut peraturan-peraturan yang telah dilaksanakan selama ini. Ini termasuklah arahan bagi semua sekolah untuk mengikut panduan, langkah keselamatan dan tapisan keselamatan bagi yang berkenaan dan lampiran mengenai peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi dan juga penghapusan sistem "Panel Penaksiran", dalam proses penggubalan kertas bagi mengurangkan jumlah yang terlalu ramai, yang terlibat di dalam penyediaan kertas dan juga dengan cara yang sedemikian mengurangkan belanja bagi menyediakan kertas-kertas soalan.

PENUNTUT MALAYSIA MENUKAR KERAKYATAN

12. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya minta Menteri Luar Negeri menyatakan berapa ramaikah bilangan penuntut Malaysia di Mesir yang telah menukar kerakyatan mereka kepada rakyat antarabangsa dan apakah tindakan telah dilakukan ke atas mereka itu. Jika tindakan belum diambil, mengapa.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che

Wan]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, menurut laporan yang diterima daripada Kedutaan kita di Kaherah belum terdapat penuntut-penuntut Malaysia di Mesir yang telah menukar kerakyatan mereka kepada rakyat antarabangsa. Mereka juga tidak pernah mengeluarkan kenyataan mengakui bahawa mereka bukan lagi rakyat Malaysia .

BUKU YANG DIIMPORT - KAWALAN

13. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah usaha-usaha Kementeriannya untuk mengawal kemasukan buku-buku, risalah-risalah dan kitab-kitab Agama Islam yang dibawa masuk ke dalam negara ini sebelum diedarkan kepada orang ramai.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengawal dan mengawasi kemasukan buku-buku, risalah dan penerbitan-penerbitan lain yang diimport dari luar. Semua penerbitan-penerbitan yang dibawa masuk adalah tertakluk kepada pemeriksaan di pintu-pintu masuk seperti di lapanganterbang-lapanganterbang dan pelabuhan-pelabuhan di seluruh negara. Tiap-tiap penerbitan dikaji, dan sekiranya didapati bercanggah dengan Akt Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan) 1987 atau melanggar mana-mana Undang-undang agama Islam negara ini, maka tindakan akan diambil mengikut lunas-lunas Undang-undang.

PENDATANG HARAM - BILANGAN

14. Dr. Nordin Selat minta Menteri Dalam Negeri memberitahu tentang masalah pendatang-pendatang haram sekarang dan setakat manakah Kerajaan berjaya mengatasi masalah ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang telah dikemukakan adalah terlalu umum dan sukar untuk dijawab dengan tepat. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa masalah umum yang dihadapi oleh pihak Kerajaan berkaitan dengan kehadiran pendatang tanpa izin di negara ini. Antaranya:

- (a) pihak Kerajaan tidak mempunyai maklumat yang tepat mengenai bilangan mereka yang sebenar. Masalah ini bukan sahaja kerana kemasukan dan kehadiran mereka ke negara ini secara tidak teratur, malah mereka sering berpindah dan menduduki kawasan-kawasan terpencil;
- (b) ada rungutan orang awam bahawa kehadiran pendatang tanpa izin menjejaskan peluang pekerjaan bagi warganegara Malaysia, dan disebaliknya ada juga rayuan daripada majikan ladang-ladang supaya agensi-agensi penguatkuasa tidak bertindak sangat keras terhadap pendatang tanpa izin kerana tenaga pekerja mereka amat diperlukan demi kestabilan pengeluaran ladang-ladang tersebut;
- (c) pihak Kerajaan sering menerima sungutan-sungutan bahawa pendatang-pendatang tanpa izin ini menjalankan kegiatan-kegiatan yang menimbulkan masalah sosial di negara ini seperti melakukan kegiatan jenayah, pelacuran dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengadakan operasi dan serbuan untuk mengesan dan menangkap pendatang tanpa izin ini. Tahap pencapaian tindakan tersebut bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan ini adalah seperti berikut

<u>Tahun</u>	<u>Ditangkap</u>	<u>Dihantar keluar</u>
1985	26,534 orang	24,352 orang
1986	22,917 orang	18,013 orang
1987	22,878 orang	20,337 orang
1988 (Jan-Jun)	<u>14,215</u> orang	<u>13,856</u> orang
Jumlah	<u>86,544</u> orang	<u>76,558</u> orang

Tuan Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila mereka ini dihantar keluar dengan perbelanjaan siapakah, perbelanjaan keluar mereka?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, selalunya serbuan kita buat kepada ladang-ladang dan sebagainya, dan kalau sekiranya mereka ini bekerja di ladang-ladang, maka tuan-tuan ladang itulah yang terpaksa membiayai perbelanjaan untuk mereka dibawa keluar.

Tuan R.M. Jasni: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri dengan keterangan bahawa Kerajaan tidak mempunyai maklumat yang tepat, tidakkah ini merupakan sebagai satu galakan kepada pendatang tanpa izin datang lebih ramai lagi ke negara ini, kerana mereka tahu Kerajaan Malaysia tidak tahu berapa bilangan mereka ada di negeri ini?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, masalah Kerajaan tidak dapat mengenalpasti bilangan ini bukan hanya berlaku di Malaysia, di mana-mana sahaja negara yang maju yang ramai pendatang tanpa izin termasuk Amerika sendiri adalah sukar untuk

mengenalpasti bilangan pendatang tanpa izin ke negara mereka, kerana mereka datang tanpa dokumen-dokumen yang tertentu dan mereka keluar juga sedemikian rupa.

Tuan Chan Choong Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di antara orang-orang yang ditangkap dan dikeluarkan semenjak tahun 1985 berapa di antara mereka itu adalah orang-orang yang sama.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita tidak mencatatkan nama-nama mereka dan tidak ada menangkap gambar mereka sukar untuk kita mengesan berapa kali mereka masuk ke negara ini .

TANAMAN ORKID

15. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) jumlah kawasan tanaman orkid seluruh negara;
- (b) jumlah pengeluaran bunga orkid bagi penggunaan tempatan dan telah dieksport; dan
- (c) usaha-usaha yang telah diambil oleh Kementerian untuk memaju 'industri orkid' sebagai tanaman bunga untuk eksport.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab:

- (a) kawasan yang diusahakan dengan penanaman orkid di negara ini dianggar berjumlah 500 hektar. Kawasan pengeluaran yang terpenting ialah Johor (200 hektar), Selangor (100 hektar), Perak (48 hektar), Melaka (40 hektar) dan Pulau Pinang (32 hektar);

- (b) pengeluaran industri orkid dianggar berjumlah \$12 juta setahun; \$6-\$7 juta dianggar sebagai nilai eksport dan \$5 juta nilai jualan dalam negara. Mengikut data, pasaran dalam dan luar negeri sedang berkembang. Orkid negara dieksport ke Singapura, Netherlands, Germany, Amerika dan Jepun;
- (c) dalam usaha mengembangkan lagi industri ini untuk eksport; Kementerian telah mengambil beberapa strategi pembangunan seperti berikut:
 - (i) menjalankan kajian pasaran di negara-negara yang berpotensi sebagai pengguna bahan ini untuk menentukan kegemaran mereka - seperti warna, panjang tangkai, musim dan lain-lain;
 - (ii) meningkatkan lagi kegiatan penyelidikan oleh MARDI dan Universiti-universiti umpama (UPM, UKM dan UM) menjalankan penyelidikan tertentu dalam pembiakan, pengurusan tanaman, pengendalian bunga, tisu kultra dan keselamatan tumbuhan;
 - (iii) mengadakan latihan dan pengembangan. Melalui latihan yang dijalankan oleh institusi berkenaan seperti MARDI dan Jabatan Pertanian, dan pihak swasta

(seperti Persatuan Orkid), teknologi pengeluaran orkid disampaikan kepada pengusaha-pengusaha terutama penanam-penanam kecil;

(iv) penanam-penanam kecil pelbagai galakan (incentives) disediakan oleh Kerajaan kepada pelabur-pelabur yang mencebur diri dalam perusahaan ini.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan pemasaran bunga orkid ini adalah besar, adakah Kementerian Pertanian akan menggalakkan perusahaan untuk menanam orkid seperti memberi insentif ataupun subsidi kepada pengusaha-pengusaha yang ingin menanam orkid.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, kita memang memberi insentif umpama taraf perintis, elaan promosi ataupun dalam bahasa Inggeris export promotion allowance dan juga kredit cukai pelaburan. Ketiga-tiga ini pada himat saya akan membantu mereka untuk menanam dan mengeksport orkid ini keluar negeri.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di- Pertua, soalan tambahan. Tidak berapa lama dahulu kita pernah mendengar berita mengenai orkid yang dikeluarkan daripada Malayaia dieksport ke Singapura, dibungkus baik-baik di Singapura dan dijual di pasaran antarabangsa atas nama Singapura, seolah-olah bunga-bunga orkid ini keluaran daripada Singapura sendiri. Jadi, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengapa perkara begini berlaku. Adakah ia masih terus berlaku dan jika ia masih terus berlaku, apakah langkah-langkah untuk memastikan orkid kita, kita

kita yang dapat nama.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebagaimana saya katakan tadi, kita mengeksport orkid kita ke Singapura, Holand, ke Jerman, mungkin barangkali apakala dieksport merekalah yang membungkus dan mengeksport pula ke negara lain, jadi kita tidak boleh menghalang orang kita mengeskport orkid, sebab kita menggalakkan pengeksporan.

Kedua, pada hari ini pihak kita, pihak Kerajaan boleh dikatakan mengambil berat tentang peranan orkid ini terutama sekali orkid jenis "Onsedium" iaitu orkid yang dipanggil dalam bahasa Inggeris sekarang ini "dancing lady" yang boleh bergerak, jadi orkid ini diperlukan sangat oleh Jepun, bukanlah diperlukan kerana sesuatu perayaan, tetapi diperlukan apakala kematian berlaku di mana bunga orkid ini dihimpun sehiagga menjadi suatu rangkaian bunga yang menarik.

Jadi, sukalah saya nyatakan kepada Yang Berhormat bahawa kita tidak akan berdiam diri dalam soal pengeksportan orkid ini dan kita boleh dikatakan menggalakkan penanam-penanam kita menanam orkid yang berjenis "mukara" atau "aranda" dan banyak lagi jenis-jenis yang lain yang boleh memberi keuntungan kepada negara ini secara amnya.

BANJIR DI WILAYAH PERSEKUTUAN

16. **Puan Ainon binti Ariffin** minta Perdana Menteri menjelaskan apakah langkah-langkah dan rancangan yang telah diambil bagi mengatasi "Banjir di sekitar Wilayah Persekutuan", seperti yang baru berlaku. Adakah Empangan Air di Ulu Klang, Selangor Darul Ehsan, selamat bagi tempoh 5 tahun lagi.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah dan rancangan-rancangan yang telah diambil bagi mengatasi "Banjir di sekitar Wilayah Persekutuan", di antaranya ialah membina Empangan Batu dan meninggikan Empangan Klang Gate atau Empangan Air di Ulu Klang, Selangor Darul Ehsan untuk menakung air banjir, melebarkan dan mendalamkan sungai-sungai utama iaitu Sungai Kelang, Sungai Batu dan Sungai Gombak, di samping mendalam dan melebarkan sungai-sungai lain di Kuala Lumpur di bawah Rancangan Perparitan Kuala Lumpur atau Kuala Lumpur Master Drainage Plan. Kerja-kerja ini masih sedang diteruskan.

Empangan Klang Gate di Ulu Klang selamat digunakan. Ianya kukuh dan stabil. Rekabentuk asal empangan tersebut dan juga satu kajian oleh sebuah firma perunding bebas yang telah dibuat pada tahun 1987 menunjukkan empangan tersebut adalah stabil walaupun paras air di dalam kolam takungan naik ke paras puncak empangan. Langkah-langkah keselamatan yang cukup juga telah sedia ada dan dipraktikkan.

Tuan Yang di-Pertua, kakitangan Jabatan Bekalan Air ditempatkan di empangan tersebut sepanjang masa iaitu 24 jam sehari. Jabatan Parit dan Taliair juga mengendalikan Bilik Gerakan Banjir yang beroperasi 24 jam sehari sepanjang tahun. Pegawai-pegawai Jabatan Parit dan Taliair pada setiap minggu memeriksa peralatan-peralatan di empangan tersebut seperti pintu-pintu air yang menggunakan tenaga elektrik, peralatan mekanikal, peralatan-peralatan membuka dan menutup air dengan tangan apabila berlaku kecemasan yang mengganggu keadaan empangan. Semua peralatan elektrik di empangan tersebut diperiksa dan diuji setiap tiga bulan sekali oleh sebuah firma elektrik. Sebuah perunding bebas ditugaskan menyiasat dan mengkaji keadaan keseluruhan empangan tersebut tiap-tiap tahun sekali,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Parit dan Taliair mengambil dan mencatatkan data-data paras air di empangan setiap hari. Dengan demikian, data-data hujan di kawasan takungan dapat diketahui. Apabila musim hujan atau apabila paras air naik ke dalam zon takungan banjir melebihi paras 312 kaki, pihak Jabatan Parit dan Taliair akan meneliti keadaan secara terperinci dan membuat keputusan kadar membuang air banjir yang ditakung oleh empangan. Faktor utama yang diambil kira ialah keselamatan empangan dan kadar pembuangan air supaya tidak menyebabkan banjir kilat di ibu kota.

BIL BEKALAN AIR - KELEWATAN PENGEDARAN

17. Tuan Lau Keng Siong minta Menteri Kerjaraya menyatakan mengikut arahan yang biasa di Daerah Muar, Johor, pembaca meter hanya mambaca dan mengedar bil-bil bekalan air sekali dalam tempoh dua bulan hingga empat bulan. Bil-bil yang disediakan dan diedarkan untuk tempoh selama dua hingga empat bulan ini telah menambahkan beban orang ramai khususnya orang miskin. Apakah langkah-langkah yang boleh dilaksanakan untuk mengubah keadaan ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Memang benar apa yang telah dikemukakan oleh saudara Ahli Yang Berhormat itu berlaku di daerah Muar, Johor Darul Takzim. Perkara ini berlaku bermula pada bulan Jun. Sebab-sebab berlaku perkara ini ialah kerana pertama, kerosakan mesin pencetak bil-bil air yang mana terpaksa mengambil masa untuk mengubah pulih disebabkan kekurangan alat pengubah pulih dan kebetulannya pada masa yang sama keadaan ini sedang diubahsuai dengan secara bil-bil ini dikomputerisasikan. Oleh yang demikian pembaca-pembaca bil ini terpaksa disusun mengikut pengubahsuaian,

Saya percaya oleh kerana perkara ini bukanlah satu perkara yang sering berlaku, hanya sekadar sekali sekala berlaku, dan dengan adanya perubahan ini maka bil-bil ini akan diedarkan bukan sahaja pada dua bulan sekali sebagaimana biasa tetapi akan dilakukan sebulan sekali.

GURU WANITA - KENAIKAN PANGKAT

18. Puan Law Jack Yoon minta Menteri Pendidikan menyatakan mengapakah bilangan kenaikan pangkat untuk guru-guru perempuan jauh kurang daripada guru-guru lelaki walaupun pendidikan di peringkat sekolah diliputi oleh tiga-perempat daripada jumlah besar oleh guru-guru perempuan.

Menteri Pendidikan [Tuan Anwar bin Ibrahim] Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sebenarnya simpati dan menunjukkan rasa hormat terhadap guru-guru wanita yang berkhidmat dengan begitu cemerlang di sekolah-sekolah. Tidak ada sebab mengapa kita hendak pandang ringan jasa dan khidmat mereka, apatah lagi dalam

proses dan pemilihan untuk memastikan mereka naik pangkat. Cuma kadang-kadang dalam penilaian dan temuduga mungkin ada penyertaan lelaki yang lebih yang menyebabkan ada perasaan di kalangan guru-guru wanita bahawa mereka telah tidak diberikan pertimbangan yang wajar dan adil. Tetapi saya ingin memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat, bahawa tidak ada pilih kasih, kalau pilih kasih tentulah terhadap wanita, tiada sebab mengapa kita hendak pilih kasih pro lelaki.

Yang kedua, ada kes-kes tertentu dan saya sendiri faham beberapa keadaan di mana calon-calon wanita yang dinaikkan pangkat diberikan pemangkuan jawatan tetapi menolak oleh kerana mereka dipindahkan dari tempat asal dan dalam kes kenaikan pangkat awal tahun ini dan akhir tahun lalu untuk sekolah-sekolah menengah, banyak kita dapati guru-guru wanita yang memilih untuk menarik atau menolak pelawaan kerana mereka terpaksa dipindahkan dari negeri mereka .

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut sudahpun cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 19 hingga 40 adalah]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH JUVANA (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (29hb November, 1988).

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang untuk menyambung semula ucapan beliau pada petang semalam. Dipersilakan Yang Berhormat.

3.37 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana saya diberi peluang untuk menyambung ucapan bagi membahaskan Ordinan Juvana 1947 yang telah saya buat pada petang semalam.

Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong di atas pindaan Akta ini kerana manakala dikaji dan diteliti bahawa dengan pindaan ini akan memberi peluang yang banyak kepada peguam, kepada PendakwaRaya merayu ke Mahkamah Tinggi terhadap apa-apa dapatan atau perintah Mahkamah Juvana dan pada masa ini hanya kanak-kanak ataupun orang

muda berkenaan, ataupun ibubapa, ataupun penjaganya boleh membuat rayuan sedemikian. Kalau kita meneliti dengan halus dan kita membuat kajian bahawa Akta ini dibuat pada tahun 1947 iaitu zaman kita belum mencapai kemerdekaan dan keseluruhan Akta ini adalah berkait dengan pemerintahan ketika itu manakala kita telah merdeka dan kita menyedari betapa mustahaknya pindaan-pindaan ini perlu dilakukan oleh kerana dalam negara yang sedang membangun ini berbagai-bagai tarikan berlaku kepada pandangan anak-anak dan juga orang-orang muda.

Sebagaimana rakan-rakan yang terdahulu daripada saya telahpun menyatakan, kanak-kanak atau orang muda ini terperangkap dengan keadaan kecuaiian yang berlaku kepada kanak-kanak itu sendiri dan kecuaiian yang berlaku daripada pihak ibubapa dan penjaga ataupun pihak-pihak guru-guru sekolah ataupun pihak-pihak penjaga-penjaga asrama ataupun pihak-pihak pegawai-pegawai keselamatan yang diberikan tugas untuk mengawal keselamatan tempat-tempat perniagaan ataupun kompleks-kompleks perniagaan.

Maka dengan sebab itu anak-anak yang masih mentah ini ataupun yang masih menginginkan milik sesuatu perkara yang paling disukainya tetapi oleh kerana mereka tidak tahu bahawa barang yang disukainya itu satu barang larangan, maka berlakulah perbuatan-perbuatan yang mengheret anak-anak ini ke muka mahkamah. Kalau kita mahu mengenal sifat kanak-kanak ini, maka kita akan dapati bahawa kanak-kanak ini dilahirkan dengan keadaan bersih. Yang mencorakkan dia menjadi jahat adalah ibubapa dia, penjaga dia atau pendidik dia. Sehingga kita dapat tahu pepatah Melayu menyebutkan, "kalau ibubapanya itu borek maka anaknya rintik". Maksudnya kelakuan ibubapa itu akan dicontohi oleh kelakuan anak-anak. Kalau gurunya kencing berdiri, anak muridnya kencing berlari.

Kedua-dua kata pusaka ini saya rasa amat tinggi nilainya kalau kita olah dan kita kaji bahawa kemungkaran ataupun kejahatan yang dilakukan oleh kanak-kanak itu mungkin berpunca daripada dua pihak yang kita sebutkan tadi. Sebab itu ibu bapa harus tahu, harus faham tentang tanggungjawab, manakala dia diamanahkan oleh Allah s.w.t. untuk mempunyai beberapa orang anak. Jadi, tidak hairanlah kita kalau anak yang tidak mempunyai kawalan yang baik dan mempunyai didikan yang baik atau tidak dapat kasih sayang daripada ibubapa atau penjaga, maka anak-anak ini menjadi liar, menjadi ganas kerana cermin yang ada di hadapan mereka ialah ibubapa mereka dan ibubapa mereka ini tidak mementingkan masalah-masalah keselamatan ataupun tarbiah ataupun didikan kepada anak-anak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam permasalahan ini banyak kita dapati kadangkala kita bawa anak-anak kita berjalan di tempat yang dia agak ganjil. Maka manakala anak itu nampak benda-benda yang pelek-pelek

maka dia tidak membuang peluang malah mahu tahu apa itu benda.

Satu cerita yang paling baru yang mengenai kepada saya, pangkat cucu. Saya belum ada cucu lagi. Bawa pergi jalan ke Singapura baru-baru ini. Kemudian kita dapat peluang cuba hendak naik keretapi bawah tanah yang ada di Singapura. Jadi, bila berhenti pada satu stesen ada satu telefon warna merah. Telefon itu digunakan ialah untuk kecemasan kerana untuk memberikan kegunaan kepada perjalan keretapi. Di atas telefon baru-baru ini saya pergi ada ditulis di situ jangan cuba sentuh, kalau disentuh, di pegang, didenda 35,000. Jadi, cucu saya ini nakal sedangkan ketika itu bapa dia, ibu dia ada dan keluarga yang lain ada tidak perasan yang dia hampir kepada tempat telefon ini terus diangkat. Diangkat sahaja, satu suara keluar, dia kata, 'tangkap'. Maka dua pegawai dengan secara cepat sampai menangkap budak ini dan terus dibawa ke bilik pegawai yang berkenaan. Kemudian oleh kerana ada keluarga saya di Singapura faham dalam masalah kanak-kanak ini, dia terus ikut budak ini masuk dalam bilik, kemudian beritahu macam mana budak ini boleh menggunakan alat yang dilarang sehingga boleh didenda 35,000.

Dalam perbincangan itu maka pegawai yang berkenaan menimbang, oleh kerana budak ini tidak pernah datang, dia tidak tahu hendak baca pun tidak tahu kerana umur 5 tahun, maka kes itu dilepaskan. Jadi, saya nampak contoh yang ditunjukkan oleh pegawai-pegawai di Singapura ini satu pengajaran yang patut kita ambil. Tidak seperti mana yang pernah berlaku di negara kita. Kadangkala manakala budak-budak ini melakukan perkara seperti yang saya sebutkan tadi, benda ganjil dia ambil dan dia pegang sedangkan benda itu menjadi

kesalahan, bila pegawai keselamatan ambil tindakan dan menghantar kepada pengurus perniagaan ataupun sebagai terus dijadikan satu kes dan budak ini boleh dihadapkan di Mahkamah Juvana.

Apa salahnya kalau ini digunakan sebagai budibicara kepada anak-anak yang tidak pernah masuk dalam bandar atau anak yang lahir di bandar sekalipun kerana kanak-kanak ini tidak faham dan dia tidak tahu undang-undang, kadangkala ibubapa yang membawa dia pun tidak tahu. Maka cubalah kita longgarkan ini berikan amaran walaupun macam Singapura tadi, \$ 5,000 denda muktamad tetapi boleh dilepaskan. Sebab itu kadangkala ada orang memuji negara Singapura kerana pertimbangan yang seperti ini dan ada pula orang yang memuji negara kita dalam pertimbangan yang lain. Tetapi yang patut jadi contoh yang baik ini harus kita amalkan untuk negara kita. Dan begitu juga anak-anak yang seperti ini di bawah umur ini termasuk murid-murid sekolah kadang-kadang murid-murid tinggal di asrama sekolah tetapi murid-murid ini kadangkala bukanlah tidak dapat didikan tetapi oleh kerana dorongan perasaan kadangkala murid ini boleh mencuri keluar waktu malam meninggalkan asrama dengan melalui lobang-lobang yang ada di bawah pagar dengan tidak melalui pintu-pintu pagar yang ditentukan.

Baru-baru ini berlaku satu kes, sebuah sekolah di mana 12 orang murid keluar tengah malam, pergi merayau-rayau. Ini berlaku di bandar Seremban. Kemudian kerana Polis memandang keganjilan itu ada pada kumpulan ini maka Polis terus beri amaran kepada budak ini jangan lari dan budak ini diberkas dan Polis cuba memberitahu di mana kamu datang, kamu siapa. Mereka menjawab mereka anak murid sekolah di asrama - saya tidak payah sebut sekolah itu yang tertentu. Kebetulan Polis ini memasukkan budak ini dalam van, hantar. Sampai di sekolah berkenaan dia kata dia bukan daripada sekolah ini. Dia kata dia sekolah lain. Satu penipuan sudah lakkannya kepada Polis. Lepas itu Polis itu hantar ke sekolah yang kedua. Itulah sekolah yang sebenar dan diserahkan kepada Guru Besar pada 1.00 malam dan minta Guru Besar membuat tindakan yang sewajarnya kepada murid ini dengan Polis tidak ada ambil tindakan apa-apa dan hanya menghantarkan mereka itu dan memberitahu Guru Besar untuk Guru Besar dapat uruskan.

Jadi, langkah Polis ini saya rasa patut diberi kepujian kerana mereka tahu kenapa budak ini keluar. Setelah disiasat kenapa keluar dia kata dia terlalu penat, baru lepas menghadapi peperiksaan SRP pada siangya itu maka malam itu cuba hendak mencari makanan yang agak ganjil kerana sudah lama duduk dalam asrama, terpaksa 2-3 minggu tidak dapat keluar dan minta pada guru tidak dapat keluar. Jadi malam tadi kita orang apabila semua orang sudah tidur, pukul 12.00 kita keluar. Kita keluar pukul 12.00 lalu bawah pagar yang berlubang tadi, kemudian kita hendak pergi cari mee goreng.

Jadi, perbuatan budak itu dari segi lahirnya peraturan sekolah, salah. Tetapi oleh kerana tekanan perasaan yang tidak terkawal tadi, maka dia telah melakukan perkara ini. Jadi, saya rasa itu contoh-contoh yang patut dipertimbangkan. Kalaulah budak ini kita buat satu tindakan atau kita heret dia ke mahkamah maka rasa saya mungkin akan mendatangkan berbagai-bagai isu yang lain. Jadi inilah tentang anak-anak ini.

Kalau kita teliti, kita tengok dan kita tinjau kenapa anak-anak ini dianugerahkan oleh Allah kepada kita ataupun orang-orang muda ini. Muda-muda ini datang daripada anak juga; dan kita ini pun datang daripada anak juga. Anak yang diberikan oleh Allah ini adalah merupakan amanah. Amanah yang tidak dapat authority secara bersurat. Kalaulah amanah ini diberi secara bersurat, ada setem macam semalam mungkin orang takut. Tetapi ini tidak, amanah yang diberikan oleh Allah ini hanya merupakan sebagai kepercayaan yang tulen daripada Allah sendiri. Kerana tiap-tiap insan yang akan berkahwin selain daripada menyelamatkan diri daripada tercebur kepada perkara-perkara yang tidak baik, mestilah dia bercita-cita untuk melahirkan beberapa zuriat yang bakal mengisi kekosongan alam ini pada masa yang akan datang. Maka manakala anak ini lahir tentulah akan dapat dibuat pembentukan membentuk dia, memelihara, ditarbiahkan dia, dididikkan dia dengan baik sesuai sebagai satu amanah. Maka tidak mungkin berlaku keliaran kepada ibubapa.

Di dalam negara yang membangun sekarang banyak orang-orang muda bercita-cita mahu kahwin tetapi tidak bercita-cita mahu beranak. Bercita-cita mahu kahwin tetapi tidak bercita-cita membanyakkan zuriat kerana keadaan yang mereka terima itu tidak mengizinkan mereka berazam dan bercita-cita untuk melahirkan anak.

Saya rasa apa agama pun, sama. Kerana dia ini adalah manusia. Semua agama pun diperintah supaya bertanggungjawab kepada anak. Tetapi oleh kerana himpitan keadaan, suasana maka sampai masa ada manusia-manusia yang mahu kahwin tetapi tidak bertanggungjawab atas amanah Allah itu. Oleh kerana keadaan yang sedemikian, maka banyaklah lahir anak-anak di luar nikah. Oleh kerana mereka tidak ada didikan agama, oleh kerana mereka tidak tahu bahawa anak merupakan amanah, maka mereka cuba melabur secara haram. Tidak tahu pelaburan itu akan mendatangkan hasil. Maka ini banyak berlaku dalam masyarakat, bukan sahaja masyarakat orang Melayu yang beragama Islam tetapi masyarakat yang-lain, serupa.

Maka sebab itulah permasalahan yang kita sedang hadapi ini ialah tentang memahamkan anak yang dilahirkan kerana anak yang dilahirkan itu kalau mengikut keterangan Allah di dalam Al-Quran adalah merupakan kekayaan dan perhiasan bagi keluarga. Jadi, kalau kekayaan dan perhiasan bagi keluarga ini tidak dimengerti dan tidak faham maka sebab itu timbul kekeliruan. Maka anak-anak yang dilahirkan dalam keadaan selepas kita merdeka, lebih ghairah berlaku perkara-perkara kemungkaran, perzinaan yang boleh melahirkan anak-anak luar nikah.

Kita mesti kaji juga kenapa anak-anak di kurun ini amat susah untuk diberikan pendidikan dan pendekatan akhlak-akhlak yang baik. Ada kemungkinan, wujudnya kelahiran anak-anak ini, kita tidak mengikut peraturan-peraturan yang digariskan oleh Al-Quran. Sebab itu lahir anak-anak yang membimbangkan pemimpin-pemimpin dan membimbangkan rakyat dalam negara kita ini. Kerana anak yang tidak mendapat pendidikan ataupun anak yang dilahirkan secara tidak mengikut hukum-hakam ini kebiasaannya anak ini adalah lebih nakal daripada anak yang dilahirkan dengan mengikut peraturan-peraturan dan yang permohonan yang diminta oleh ibubapa.

Sebab Allah taala menganjurkan kepada kita sebagai umat Islam, dalam al-Quran diberi panduan, tiap-tiap orang Muslim lelaki diminta berdoa, mohon izin, rabbanahablana minaswajina wazurriyatina qurtaayun wajalnail mutaqima imama. Inilah senjata besar bagi seorang bapa yang diamanahkan mendidik isteri dan mendidik para anak iaitu mendoakan supaya isteri-isteri dan anak-anak ini merupakan satu kebun yang menghidu mata memandang. Kita minta dari Allah.

Bila kita pandang anak itu satu hiburan, satu kesuburan dalam jiwa kita timbul, bila kita pandang isteri kita datang kesuburan dalam hati, dalam kegairahan ingin mendampingi keluarga. Kalau ini berlaku, semua berkeinginan seperti mana yang dianjurkan oleh Allah ini, maka kita tidak akan jumpa anak-anak kita liar di luar rumah, kita-tidak akan jumpa anak-anak kita bebas menghabiskan masa dia di luar rumah lebih panjang daripada berada di rumah kerana ibu mengikut istilah yang merupakan madrasah-madrasah atau merupakan sekolah-sekolah. Ibu adalah merupakan sekolah bagi anak-anak yang bertanggungjawab untuk menjaga dan mendidik,

Manakala anak diasuh dengan baik oleh para isteri, maka isteri-isteri menanti kepulangan ayahnya manakala ayahnya pulang dengan penuh perasaan ingin mendampingi anak-anak dan isteri, kerana itu sahaja alat penghibur mereka melepaskan rasa penat lelah yang telah dihabiskan oleh mereka di luar rumah untuk mencari nafkah, maka balik ke rumah anak-anak dan isteri ini dapat memberikan kepuasan di jiwa mereka. Maka anak-anak inilah yang lahir daripada didikan yang baik.

Dengan sebab itu manakala berlaku ini semua, kita dapat faham, kita dapat mengerti bahawa ibu bapa adalah pesalah pertama di dalam jenayah yang dilakukan oleh anak, adalah pesalah pertama kerana

mereka tidak mengambil berat atau tidak mementingkan didikan ini kepada anak-anak. Mohon izin, Saidina Umar radiallahuanhu sendiri telah memberi tahu sedangkan Saidina Umar ini Khawiyunsyadid, manusia yang paling gagah, garang dan tidak boleh dibuat main kepada Saidina Umar. Tetapi Saidina Umar pernah memberitahu, sayogialah, katanya bagi seorang lelaki manakala dia berada bersama-sama ahlinya dia ada sifat kebudakan. Sifat kebudakan maknanya ada sifat kemanjaan kepada keluarga, kepada anak-anak dan isteri supaya mudah dibawa berunding. Manakala bapa sebagai seorang lelaki dapat menundukkan diri, bukan maknanya, dengan izin, "queen control", bukan, tetapi dia dapat mendampingi isterinya, dapat mendampingi anaknya penuh mesra dan boleh meletakkan kemanjaan kepada bapa. Kerana kata Saidina Umar, dengan cara itu manusia dapat menyelesaikan perkara-perkara yang susah. Tetapi ingat, kata Saidina Umar, lelaki ini di situ dia tunduk tetapi dalam masyarakat berlagak sebagai seorang lelaki, di luar rumah kita berlagak sebagai lelaki tetapi di dalam rumah kita berlagak sebagai kanak-kanak supaya senang dimesrai oleh isteri dan dimesrai oleh anak-anak.

Saya rasa ini falsafah yang tidak sampai kepada kita sebab bapa selalu mengheret permasalahan di luar dibawa masuk ke dalam rumah sehingga menjadikan anak-anak itu serba salah untuk mendampingi bapa kerana bapa mempunyai 1,000 permasalahan di luar yang dibawa balik ke dalam rumah, maka inipun membawa kepada anak-anak itu menjadi liar kerana mereka tidak dapat kasih sayang daripada bapa sedangkan ibu boleh memberi kasih sayang tetapi bapa tidak boleh beri kasih sayang. Inipun akan menimbulkan jenayah.

Berbalik kepada perkara yang lain, yang menjadikan anak-anak ini ganas dengan perubahan sikap yang dilakukan oleh bapa, umpamanya sebagaimana perkhabaran yang saya dapat ketahui, dengan perkembangan dakwah yang tidak sihat inipun satu permasalahan yang anak-anak ini jadi jahanam kerana sudah sampai kepada masyarakat kita, dakwah yang tidak mempunyai pegangan yang begitu teguh dan yang terbaik. Walaupun pernah kita dengar ada berita yang mengatakan pendakwah-pendakwah ini tidak mahukan nikmat-nikmat Tuhan yang diberikan kemudahan-kemudahan atas nikmat kekayaan dalam negara kita, kemudian melimpah nikmat ini dapat dirasakan oleh sesuatu keluarga. Tetapi nikmat ini tidak difahami oleh pendakwah-pendakwah ini dan terus ditolak.

Pada masa bapanya belum masuk ke dalam lingkungan dakwah ini, mereka telahpun mendapat kemudahan asas dalam rumah tangga mereka. Saya dapat tahu ada bapa yang berlagak macam singa garang kerana sudah dapat didikan dakwah dengan menyingkirkan kemudahan-kemudahan yang ada di rumah. Memerintahkan anak-anak mereka meniarap menulis di atas lantai sedangkan sebelumnya dahulu ada kerusi, meja, televisyen dan radio. Semuanya ini adalah dianggap syaitan dan dibuang kerana suntuk akal fikirannya. Mereka lupa tentang firman Allah yang ertinya: "Dan terhadap nikmat Tuhanmu maka hendaklah kamu menyebut-nyebutnya." Nikmat yang kita dapati itu belum tentu kita yang punya. Kita hanya alat penggerak, yang punya mungkin isteri, mungkin anak-anak tetapi kita selalu berlagak, nikmat Allah taala ini kita fikirkan atas kepenatan atau titik-peluh kita, maka kita bertindak menghapuskan nikmat-nikmat yang diberi oleh Allah, sedangkan Allah melengkapkan semua sekali kemudahan-kemudahan ini, maka haruslah diberi kemudahan-kemudahan ini kepada anak-anak kita asalkan kita kawal dengan baik.

Saya tidak mahu mengatakan bahawa televisyen ini kalau hendak kira memang ada tak baiknya, tetapi sebenarnya kebajikannya adalah lebih banyak. Masalah televisyen inipun satu permasalahan juga. Ada orang kata televisyen ini tidak baik. Pada saya televisyen ini paling baik kerana dengan televisyen kita dapat menjelajah ke seluruh dunia, kita dapat menengok dan melihat negara-negara luar, kita dapat mengikuti berita-berita perkembangan yang berlaku di negara-negara luar. Tetapi filem-filem yang dipersembahkan yang menjolok mata dan mengganggu keadaan, ibubapa haruslah bertindak dengan tidak ada tolak ansur. Televisyen ini ditutup, bukan dibuang. Ditutup sahaja, tak usah ikut program yang ditentukan itu, dengan syarat ibubapa sendiri pun mesti membatalkan untuk melihat filem-filem itu, maka televisyen ini akan dapat tempat sebagai satu alat mencungkil ilmu pengetahuan yang tidak payah kita bersusah payah.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perubahan-perubahan ini harus diperhati. Dengan sebab itu hujah-hujah yang saya tonjolkan ini adalah untuk menguatkan kenapa pendakwaraya boleh merayu kepada Mahkamah Tinggi di dalam penghakiman yang berlaku di Mahkamah Juvana **ini**. Kalau dapat dihujah cara yang begini saya rasa maka anak-anak yang melakukan kesalahan yang patut ditimbang dan patut dirayu semula keputusan-keputusannya maka inilah yang boleh menyelamatkan. Bukanlah semua kesalahan-kesalahan kanak-kanak ini harus mendapat pengampunan atau mendapat rayuan tetapi mungkin ada beberapa kesalahan-kesalahan yang lain.

Berbalik kepada perkara yang lain, Tuan Yang di-Pertua, asrama-asrama ataupun sekolah-sekolah kanak-kanak yang dijatuhkan hukuman ini haruslah dikawal betul-betul. Dan asrama-asrama akhlak

yang disediakan itu yang diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Kebajikan Masyarakat janganlah ditinggalkan begitu sahaja dengan pegawai-pegawai yang tidak mempunyai kerohanian yang baik. Saya nyatakan demikian kerana saya dapat tahu ada asrama-asrama akhlak bagi perempuan-perempuan muda pernah men'challenge' pegawai-pegawai yang ada di situ. Challenge itu bukan challenge yang merugikan, challenge yang menguntungkan. Pernah dicabar, "kalau awak seorang laki-laki", hujung itu saya tak payah sebut. Jadi itu menunjukkan bahawa kawalan itu tidak baik.

Tujuan kita meletakkan wanita-wanita muda yang terlibat di dalam jenayah ini di asrama-asrama asuhan supaya mereka bertukar akhlak, bertukar menerima perubahan daripada keadaan yang mereka lalai atau ganas, kepada perubahan yang baik supaya dia merupakan perempuan-perempuan yang bakal menjadi ibu-ibu yang baik kerana kita mesti memikirkan rakyat akan datang bahawa ibu-ibu atau bapa-bapa yang akan datang ini akan melahirkan para pemimpin, para ulama, para cendekiawan, rakyat yang baik, tetapi kalaulah mereka itu pada kurun ini sudah tidak diberikan perlindungan dengan baik dan tidak diberikan jagaan dengan baik, maka kita kluatir keturunan-keturunan kita pada masa akan datang akan jadi sama taraf dengan binatang. Sebab itu satu kawan kita dalam Dewan ini semalam mengatakan keadaan masyarakat kita sudah kotor, sudah tidak baik maka saya tak berapa setuju. Sebenarnya kita masih lagi baik, tetapi kita harus mengawal kebaikan itu kerana anak-anak muda kita ini kalau diasuh dengan baik, dididik dengan baik, insya Allah, Tuhan akan memberi pertolongan untuk menyelamatkan mereka.

Selain daripada itu, saya rasa dalam Soal Jawab hari kelmarin saya telah membuat soalan kepada Kementerian Pendidikan berhubung dengan pra sekolah supaya pra sekolah yang tumbuh di negara kita ini dapat terkawal dan dapat dijadikan satu tanggungjawab yang hakiki kepada Kementerian Pendidikan kerana kurikulum yang ada dalam pra sekolah ini ada antaranya dibuat oleh badan-badan tertentu, tidak mematuhi arahan-arahan Kementerian kerana mereka kata itu sekolah mereka, mereka yang buat. Sebab ada di antara sekolah-sekolah pra sekolah ini telah membuat penyelewengan yang besar dengan memberikan didikan kepada anak-anak, contoh gambar-gambar pemimpin kita kadang-kadang diconteng oleh anak-anak ini kerana mereka kerjanya menconteng, latihan pra sekolah ini menconteng, gambar pemimpin diconteng sudah berupa bukan gambar yang asal dan guru itu angkat, gambar siapa ini, anak-anak? Gambar hantu, sedangkan gambar itu ialah gambar pemimpin negara.

Adakah ini tidak akan menjadikan pada anak-anak ini membenci kepada pemimpin-pemimpin dan akan cuba melaung-laungkan memperhina pemimpin, kemudian anak-anak ini kita anggap satu anak yang tidak mempunyai adab, tidak mempunyai didikan yang baik sedangkan dia diasuh oleh pra sekolah yang tidak kita kontrol atau tidak kita jagai dengan baik. Ini amat merbahaya untuk 10 atau 20 tahun akan datang. Saya rasa kalau Kementerian Pendidikan kata ini ringan, saya tidak mahu terima sebab asas pendidikan ini dacang daripada kanak-kanak yang masih cantik, yang masih suci, yang masih baik. Kalaulah dia telah dididik dengan keadaan demikian, maka dia akan peroleh keganasan.

Saya juga pernah dapat tahu ada antaranya orang cuba pujuk anak-anak untuk memukul bapanya kerana bapa ini tidak bertanggungjawab, sebagaimana yang saya sarankan tadi. Maka anak yang berbadan tegap telah dicabar oleh ibu dia, dua orang ini minta korbakan bapanya. Maka berlakulah pergelutan di antara bapa dengan anak di persisiran jalan yang ditengok oleh masyarakat ramai. Ini satu lagi keruntuhan yang boleh mengheret anak ini kepada tindakan-tindakan jenayah ataupun tindakan-tindakan mahkamah, manakala anak ini sudah bertaraf anak yang durhaka kepada ibu dan bapa. Jadi itulah sebabnya saya kata benda-benda ini kita tidak boleh pandang ringan.

Kita harus memandang kepada penglibatan kita bagi negara yang akan datang. Apa yang akan berlaku kepada negara kita kalau pendidikan-pendidikan peringkat kanak-kanak ini kita percuaikan dan kita terlalu ghairah melakukan kezaliman kepada kanak-kanak, sedangkan Allah s.w.t. sendiri mengampunkan anak-anak ini; diberikan pengampunan sampai mereka ke peringkat mukallaf - 15 tahun, anak-anak ini di jamin oleh Allah s.w.t. dosa mereka tidak berlaku. Walaupun mereka membuat kesalahan sehingga diaku kanak-kanak di bawah umur 15 tahun ini adalah ahli syurga, mengikut akidah kita. Sebab itu siapa yang tidak menyayangi kanak-kanak maka orang itu tidak menyayangi ahli syurga. Tetapi berlaku dalam tindakan yang kita buat, kita berlaku ganas kepada kanak-kanak. Maka saya cuba mencadangkan supaya penasihat-penasihat ataupun Jawatankuasa-jawatankuasa ataupun Lembaga-lembaga yang dilantik untuk duduk dalam Mahkamah Juvana ini mestilah terdiri daripada orang yang mempunyai akhlak yang baik dan mempunyai pendidikan moral yang baik supaya dapat menasihatkan para-para hakim yang bertindak menjatuh hukum kepada kanak-kanak ini kepada tindakan yang sewajarnya. Kalau tidak, keadaan ini akan berlarutan. Jadi, hasilnya tidak seberapa.

Berbalik saya kepada sekolah berasrama tadi, saya ingin menegaskan supaya Kementerian Kebajikan. Masyarakat memberikan pandangan dan penelitian yang begitu rapat kepada sekolah-sekolah berasrama ini supaya mereka benar-benar dididik, mendapat asuhan dan menukar sikap mereka daripada pernah duduk di hotel, pernah merayau di luar-luar, pernah mencabar orang supaya mereka patuh dan tahu

bahawa perbuatan mereka itu adalah satu kesalahan dan satu penghinaan kepada diri mereka sendiri. Kalau tidak, kita akan mendapat kerugian yang besar dan cubalah agihkan kepada orang-orang muda ini latihan-latihan yang boleh menolong mereka hidup tatkala mereka dibebaskan daripada sekolah ataupun asrama didikan ini.

Jadi, saya merayu, Tuan. Yang di-Pertua, supaya kita jangan dipersalahkan pada masa yang akan datang, maka perhatian ini harus diberikan. Itulah yang saya nampak dalam Akta ini supaya kita dapat berfikir dan meneliti macam mana kita hendak menyelamatkan anak-anak kita daripada diheret ke Mahkamah Juvana ini. Mudah-mudahan dengan penelitian kita yang sungguh-sungguh dengan perubahan Akta ini akan dapat membentuk kefahaman anak-anak kita yang lebih baik dan dapat menyelamatkan budak-budak yang buat salah bukan kerana kehendak dia, tetapi kerana dia tidak faham dan ingin tahu dan ingin mencuba. Maka ini harus diperhatikan supaya jangan dijatuhkan hukuman malahan diberikan perlindungan buat kali pertamanya.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu kita harus sama-sama memberikan pandangan dan memberikan didikan ini kepada kanak-kanak sebagaimana yang saya katakan tadi dan satu lagi saranan saya, sepatutnya kanak-kanak yang di bawah umur ini, ibu bapanya pun patut menerima bahagian juga kerana mereka tidak memberikan perlindungan dan pendidikan yang baik kepada anak-anak mereka sehingga anak-anak mereka jatuh ke dalam jenayah, maka ibu bapanya pun patut dapat ganjaran yang sepatutnya, sesuai dengan apa yang dilakukan oleh kanak-kanak. Baru ibu bapanya takut, kalau tidak rasa saya, ibu

bapa ini lepas tangan. Dia buat tidak tahu kerana dia beranak kemudian anak ditinggalkan dengan tidak ada mempunyai perlindungan apa-apa.

Tetapi, Insya Allah, dengan pelaksanaan Akta Keluarga yang telah kita luluskan ini mungkin akan lebih banyak menyelamatkan anak-anak kita. Jadi, itu sahajalah yang dapat saya sampaikan untuk sama-sama mengambil bahagian, malah membahaskan Akta Mahkamah Juvana ini dan kita berdoa mudah-mudahan hasrat untuk melahirkan anak yang baik ini akan dapat kita lakukan. Kalau tidak kita, anak kita, kalau tidak cucu kita, mudah-mudahan menepati derigan doa yang saya kata tadi: "Rabbana hablana imama." Kita hendakkan anak-anak kita ini akan menjadi pemimpin yang akan datang dan menjadi rakyat yang baik dalam negara kita, Insya Allah. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Law Jack Yoon.

4.27 ptg.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bangga kerana dibenarkan mengambil bahagian dalam perbahasan berkaitan dengan Rang Undang-undang, Mahkamah Juvana (Pindaan.) 1947. Ramai rakan-rakan saya di Dewan ini telah berbahas pindaan Akta ini, tetapi saya ingin juga memberi sedikit pendapat saya untuk mungkin telah dibincangkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah sosial yang sangat menyusahkan kita apabila setiap hari kita membaca akhbar-akhbar tempatan ialah mengenai kegiatan-kegiatan yang melanggar undang-undang negara di kalangan pemuda-pemudi kita. Pada masa dewasa ini terdapat pertambahan perbuatan jenayah seperti pencuri, perompak, pembunuh,

perogol, najis dadah dan lain-lain yang salah di sisi undang-undang. Masalah juvana menimbulkan soal apakah punca-puncanya. Punca-puncanya adalah banyak dan biasanya bukan hanya satu punca yang menyebabkan kemerosotan akhlak orang-orang muda, tetapi dua atau lebih punca bergabung jalin untuk mengakibatkan perbuatan jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri merasa kegagalan ibu bapa menanamkan nilai-nilai seperti kasih sayang kepada orang lain, kejujuran, menjaga kehormatan nama keluarga atau belas kasihan di dalam jiwa anak-anak mereka adalah faktor utama. Tanggungjawab itu tidak boleh dialih kepada orang lain. Kita kata pemuda itu perogol, dia jahat. Adakah kita tanya bagaimana dia menjadi perogol. Tentu perogol itu tidak dilahirkan begitu, dia menjadi perogol kerana ibu bapanya gagal mendidik dan mengasuh anak-anak mereka menjadi seorang yang bertanggungjawab.

Mereka patut mendisiplinkan anak-anak mereka dengan ketegasan, kasih sayang, berterus-terang, keadilan dan bukan terlalu memanja-manjakan mereka atau jarang-jarang mendampingi mereka. Pepatah kata, "Tatkala lagi rebung tiada dipatah, ketika sudah menjadi aur, apa gunanya", mesti sentiasa diingatkan.

Tuan Yang di-Pertua, di sekolah pula, disiplin hendaklah dijalankan secara formal dan tidak formal bagi menanamkan nilai-nilai kemasyarakatan. Jika seorang murid dididik dengan sempurna, dia mempunyai disiplin untuk bertindak dengan rasional pada setiap masa. Masalah disiplin di sekolah adalah akar kepada perbuatan jahat yang lebih serius. Pihak sekolah mesti bekerjasama dengan ibu bapa memberi disiplin kepada murid-murid mereka.

Pengajaran pendidikan moral dan agama boleh menolong mencorakkan murid-murid supaya mereka bersikap bersih mental, bertoleransi, kasih sayang, berjiran baik, tolong-menolong dan lain-lain nilai yang baik. Bukan setakat hanya mengajar nilai-nilai tersebut, tetapi guru-guru mesti mengamalkan cogankata "Teladan Melalui Kepimpinan", kerana murid-murid lebih cepat mencontohi apa yang dilihatnya. Nilai-nilai yang baik kalau dipraktikkan oleh guru-guru dan murid-murid akan lebih berkesan dan kukuh.

Kita perlu mengkaji semula sistem pendidikan kita. Sebuah sistem yang berorientasi kepada peperiksaan akan memberi tekanan jiwa kepada murid-murid. Mereka yang tidak berjaya dalam peperiksannya akan tercicir dari sekolah. Kemudian mereka bercampur dengan kumpulan samseng atau penagih dadah. Golongan-golongan itu

menerima mereka sedangkan masyarakat biasa menolak mereka. Mereka melakukan perbuatan juvana untuk membalas dendam kepada ibu bapa untuk melepaskan perasaan kecewa. Oleh yang demikian, sistem pendidikan kita mesti memupuk kamahuan dan keinginan menambahkan pengetahuan bukan semata-matanya untuk mendapat sijil yang cemerlang .

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, televisyen juga memainkan peranan yang penting bagi mengawal dan mengurangkan perbuatan jenayah juvana. Cerita atau filem yang ditayangkan mesti mempunyai pengajaran moral. Kebanyakan filem dari TV kita adalah jenis yang baik tetapi setengah filemnya menunjukkan adegan-adegan perbuatan yang dahsyat dan ngeri oleh kumpulan penjahat. Kadang-kadang kumpulan itu diagung-agungkan sebelum penghabisan filem itu yang menunjukkan hukuman yang dijatuhkan ke atas mereka. Saya syorkan filem-filem yang menunjukkan banyak perbuatan balas dendam sebagai cara hidup kumpulan orang-orang yang tertentu dilarang. Begitu juga filem-filem yang merosakkan akhlak gadis-gadis muda mesti diharamkan.

Kekurangan tempat-tempat rekreasi untuk pemuda-pemudi kita boleh mengakibatkan mereka terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang tidak diingini. Mereka merasa bosan terutamanya pada masa cuti panjang. Mereka mencuba kegiatan yang lebih hebat - mungkin mencuba najis dadah untuk menghilangkan bosannya. Selain daripada memperbanyakkan tempat-tempat riadah yang murah, Kerajaan harus mengadakan banyak kegiatan perkhemahan, mendaki gunung, pertolongan cemas, bergotong-royong dan kelas-kelas agama untuk mencorakkan generasi muda menjadi warganegara yang berguna.

Tuan Yang di-Pertua, setelah memberi pendapat-pendapat saya mengenai sedikit punca-punca penambahan jenayah juvana, saya ingin memberi cadangan-cadangan saya mengenai langkah-langkah yang boleh memulihkan pemuda-pemudi yang telah sesat jalan.

Tuan Yang di-Pertua, pertama, setelah seorang juvana dibuktikan salah, pihak yang bertanggungjawab seperti pihak sekolah-sekolah kanak-kanak jahat, pegawai-pegawai, dengan izin, probationary officers, pakar sakit jiwa dikehendaki memberi banyak bimbingan dan kaunseling kepada juvana itu. Kekerasan yang selalu dianggap sangat sesuai untuk memulihkan juvana tidak boleh digunakan kerana tindak-balas itu mungkin perbuatan jahat yang lebih teruk. Program-program khas disusun supaya juvana itu dilatih sejenis kemahiran yang boleh digunakan sebagai kariernya.

Tuan Yang di-Pertua, disyorkan ibu bapa juvana itupun menerima counselling untuk membantu anaknya kembali ke masyarakat sebagai seorang yang bertanggungjawab, setelah juvana itu kembali ke masyarakat biasa pegawai percubaan sekali sekala melawat keluarga juvana itu untuk menolong menyelesaikan masalah juvana itu jika ada.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya- meminta setiap ibu bapa menjaga anak-anak mereka dalam semua aspek mahupun dalam fizikal atau dalam rohani. Maka dengan ini saya memberi sokongan sekali lagi atas pindaan Akta Mahkamah Juvana 1947. Terima kasih.

4.42 ptg.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih oleh kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Juvana 1947.

Sebagaimana yang kita ketahui masalah jenayah di kalangan remaja semakin serius, pelbagai jenayah sama ada ringan ataupun berat seperti merosakkan kemudahan awam, mencuri, memeras ugut, merogol, merompak, membunuh dan sebagainya telah dilakukan oleh mereka. Berita-berita mengenai kegiatan jenayah tersebut boleh dibaca di akhbar-akhbar atau didengar setiap hari.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai faktor menyebabkan setengah-setengah remaja melakukan jeayah telah disebutkan oleh ramai rakan-rakan saya, tetapi pada pendapat saya ibu bapalah yang harus bertanggungjawab dalam soal ini.

Sepertimana yang kita sedia maklum setengah-setengah ibu bapa memang lalai atau gagal menunaikan tanggungjawab dalam mengawasi atau menjaga anak-anak mereka disebabkan sibuk dengan tugas masing-masing. Setengah-setengah ibu bapa bekerja siang-malam untuk mencari rezeki ataupun untuk mencapai kejayaan dalam perniagaan. Akibatnya anak-anak mereka diberi banyak kebebasan bergerak dan bergaul dengan kawan-kawan atau kumpulan jahat di luar. Lama kelamaan kelakuan setengah-setengahnya terpengaruh dan menjadi riak sehingga berani melakukan apa sahaja atas paksaan orang lain atau secara beremosi.

Tuan Yang di-Pertua, lain-lain faktor ialah setengah-setengah remaja terpengaruh oleh filem-filem atau video yang berunsur keganasan atau lucah, demikian juga dengan buku-buku atau majalah yang berunsur lucah dan keganasan.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita sedia maklum kebanyakan kes jenayah juvana sering ditangguhkan oleh Majistret sehingga bertimbun-timbun yang belum diadili atau diselesaikan. Ini mungkin disebabkan setengah-setengah pegawai Kementerian Kebajikan berkenaan gagal atau lambat menyediakan dan mengemukakan laporan untuk tindakan Majistret. Keadaan ini bertambah buruk lagi apabila masa buka mahkamah atau Majistret selalu lewat sehingga pukul 10.00 pagi. Oleh itu saya berharap penyelarasan tugas mesti diwujudkan di antara pihak Majistret, pihak Kementerian Kebajikan dan pihak Polis. Saya juga berharap Kementerian berkenaan mengambil perhatian atau bertindak sewajarnya berkenaan perkara ini.

Tuan. Yang di-Pertua, penggubalan Rang Undang-undang Mahkamah Juvana (Pindaan) memang kena pada tempat dan masanya, mudah-mudahan berikutan penggubalan ini ia akan menyelesaikan pengendalian dan penyelesaian kes-kes jenayah juvana yang bertimbun-timbun.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang Mahkamah Juvana (Pindaan) ini. Terima kasih.

4.48 ptg.

Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih oleh kerana dibenarkan saya berucap bersama-sama dengan Yang Berhormat Yang Berhormat rakan-rakan saya yang telahpun membahas Rang Undang-undang Mahkamah Juvana (Pindaan).

Saya bangun pada petang ini ialah sebelum daripada saya memberi sedikit penerangan saya berterima kasih kepada pihak Kerajaan melalui Kementerian Kehakiman yang mana telahpun mencatat satu Rang Undang-undang Mahkamah Juvana (Pindaan), yang membolehkan Pendakwa Raya meminta dan merayu kepada Mahkamah Tinggi terhadap apa-apa dapatan atau perintah Mahkamah Juvana yang tidak memuaskan, yang mana pada masa sekarang, semenjak daripada tahun 1947 yang dapat merayunya ialah ibu bapa kanak-kanak dan penjaga-penjaga sahaja. Oleh hal yang demikian apabila kita sebut mahkamah, ertinya ada Hakim, ada orang yang kena hukum, sebab mahkamah ini ertinya tempat menjatuh hukum oleh seorang Hakim yang bijaksana, yang digelar dengan nama 'Yang Arif', ertinya di dalam Bahasa Melayu kita ertinya, orang yang mengetahui, segala seluk-beluk keadaan yang membolehkan Hakim-hakim ini menjatuhkan hukum ini dan keadilan yang tepat, mengikut apa yang nyata kepada mereka dan ada yang kena hukum. Yang kena hukum dalam perbahasan kttta ini ialah kanak-kanak, kanak-kanak yang belum sampai umur.

Kalau mengikut takrif umur di dalam Islam iaitulah 15 tahun dinamakan mukallaf, ertiaya orang yang jatuh dan dikenakan segala tanggungjawab ke atas mereka dengan sendiri. Tetapi mengikut istilah undang-undang kita ini barangkali 18 tahun, tidak apalah 15 tahun, 18 tahun kita tidak hendak bahas tetapi kita mesti ingat, Tuan Yang di-Pertua, kanak-kanak ini sebabnya dinamakan kanak-kanak ertinya seorang manusia yang tidak sempurna, yang tidak mencukupi akal fikiran lagi sebab itu dinamakan akan dia kanak-kanak yang belum baligh, yang belum sampai umurnya, pemikirannya tidak penuh lagi, jadi kanak-kanak ini adalah duduk di bawah tanggungan ibubapa.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya cuba memberi sedikit pandangan Allah s.w.t. sendiri memberitahu di dalam Kitab Suci Al-Quranul Karim yang ertinya: Wahai segala orang-orang yang beriman, jagalah kamu akan diri kamu, "waahlikum" dan ahli-ahli kamu, ertinya isteri kamu dan anak-anak pinak kamu "naran" akan api neraka, ertinya tempat kebinasaan. Jadi mengikut keterangan ini, lebih dahulu kalau kita hendak mencegah anak-anak kita daripada membuat sesuatu perkara yang tidak diingini, lebih dahulu dua ibu bapa itu mesti kena jaga diri dahulu, ertinya dua ibubapa mesti menjadi seorang contoh dan tauladan kepada anaknya di dalam segala segi dan mesti ibu bapa kena mengawal dirinya daripada membuat sesuatu perkara yang tidak sesuai dengan peri kemanusiaan.

Selepas daripada itu barulah ibu bapa bertanggungjawab kena menjaga dan mengawal anak pinak dan isteri. Jadi, berertinya di bawah kawalan dua ibu bapa. Jadi, segala apa kesalahan yang dibuat oleh anak adalah terkena ke atas ibu bapa kerana ibu bapa tidak mengawal dan tidak senjaga. Jadi, dengan sebab itulah kalau kita benar-benar hendak mencegah perkara ini, lebih dahulu, yang pertama kita mesti mencegah diri kita dan mengawal diri kita sendiri sebagai ketua keluarga dan kita sentiasa mengawal dan mengawasi segala anak pinak kita yang ada di bawah jagaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini bukan perkara baru, masalah rosak akhlak ini tidak perkara baru, perkara lama. Kalau kita meneliti dan menilik dan kita membaca sejarah di masa jahiliah dahulu, sebelum daripada Islam, sebelum lagi daripada Nabi Muhammad s.a.w. diutus menjadi Rasul, di masa itu adalah dinamakan masa jahiliah. Dimasa itu adalah mereka membuat sesuatu benda yang difikir mengikut hawa nafsu mereka sehingga anak mereka sanggup tanam hidup-hidup, anak perempuan mereka sanggup tanam hidup-hidup. Mereka mencuri, merompak, membunuh, ini adalah pekerjaan mereka, di antara satu kumpulan dengan satu kumpulan yang lain, mengikut perasaan nafsu yang ada pada mereka, siapa yang kuat mereka itulah yang menang, yang dapat memerintah. Dengan sebab keadaan dunia sudah menjadi tidak sesuai lagi dengan manusia di masa itu Allah s.w.t, mengutuskan Nabi Muhammad s.a.w. dengan menurunkan Al-Quranul Karim untuk memberi penerangan kepada seluruh manusia dengan tujuannya, Rasulullah bersabda yang ertinya: dibangkitkan akan daku,

dilantik aku menjadi Rasul, tujuannya supaya aku menyempurnakan akan keelokan daripada perangai-perangai manusia. Ertinya Nabi Muhammad s.a.w. dapat mengubah perangai manusia yang ada di masa jahiliah, yang tidak sesuai dengan peri kemanusiaan itu supaya dapat diubah menjadi sesuai dengan manusia.

Jadi kemungkinan besar saki-baki yang ada pada hari ini adalah saki baki yang dahulu, sebab mereka tidak menghiraukan hal ini, boleh jadi mereka tidak tahu kewajipan dan tanggungjawab mereka. Mereka tidak tahu sebab mereka tidak belajar, sebab kalau kita kaji perkara-perkara yang berlaku kepada anak-anak kita yang kurang berakhlak hari ini iaitulah kalau kita kaji di belakang-belakang adalah berunsur daripada titik, daripada ibu bapa orang yang kebanyakannya tidak menjaga, mengawal dan mendisiplinkan diri masing-masing. Hidup mereka semata-mata hendak makan, hendak pakai, hendak bersuka, selain daripada tidak ada. Apa yang ada di dalam fikiran mereka, bagaimana aku mahu makan sedap, bagaimana aku hendak pakai molek, bagaimana aku hendak duduk rumah besar, bagaimana kereta aku hendak besar, bagaimana-bagaimana itu sahaja. Itu sahaja yang ada di dalam pemikiran mereka.

Oleh hal yang demikian, mereka terlupa taanggungjawab didikan manusia, sifat manusia supaya terpelihara, supaya dapat membezakan manusia ini daripada makhluk-makhluk lain. Tetapi sekarang alhamdulillah walaupun perkara ini ada, tetapi kebanyakannya telah-pun sedar, kalau kita nisbah, kalau kita bandingkan dengan dahulu dengan masa 20 tahun dahulu dengan sekarang jauh berbeza. Keadaan kedudukan manusia dan kedudukan jenayah yang berlaku di dalam negara kita jauh bandingan masih kurang berlaku, sebab kita ingat di masa dahulu kalau di kampung kebanyakan kalau di kampung tempat orang buat padi di sana maka apabila pelihara lembu, kerbau, boleh dikatakan tiap-tiap malam atau dua, tiga malam sekali curi lembu, kerbau, curi ayam. Tetapi sekarang alhamdulillah ada, bukan tidak ada, tetapi jarang. Cumanya kita mendukacitanya perkara yang berlaku masalah pengkhianat di dalam kebaikan, ini satu masalah. Kemungkinan oleh kerana di dalam pemikiran mereka tidak ada, tidak ada tujuan lain semata-mata mereka bersuka di dunia sahaja. Itu sahaja matlamat mereka. Dengan sebab itu mereka tidak memikirkan apa akibat yang akan jadi di kemudian hari nanti. Dengan sebab itulah mereka tidak kira perkara ini benar atau tidak benar, mereka asalkan nampak sahaja kepada mereka maka mereka buat.

Oleh hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, saya menyeru kepada pihak Jabatan Agama di bawah Jabatan Perdana Menteri semoga membanyakkan dakwah, mengambil orang-orang yang berilmu pengetahuan semoga dapat pergi ke kampung-kampung dan mana-mana tempat untuk memberi penerangan berkenaan dengan kewajipan dan tanggungjawab manusia. Tetapi alhamdulillah, kalau kita mengikut baca

suratkhabar sehari dua ini, Yang Berhormat Dato' Yusof Nor telahpun memberitahu bahawa Kerajaan akan mengambil sambilan pihak pendakwah ini sebagai menambah pengetahuan. Sebab ini adalah satu jalan, sebab manusia kalau mereka tahu satu-satu perkara yang mereka fikir tidak elok, kemungkinan besar mereka tidak akan buat.

Masalah yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita sudah tahu keadaan kanak-kanak ini ada sebab-sebab yang mereka membuat perkara yang tidak diingini, ini bukanlah seraata-mata kerana jahat, tetapi tidak. Bahkan oleh kerana tidak ada didikan ataupun oleh kerana desakan pemikiran mereka barangkali terpaksa mereka buat perkara-perkara yang tidak diingini ini. Oleh hal yang demikian, kita menyeru kepada pihak Mahkamah ini semoga dapat memutuskan hukuman kepada kanak-kanak ini dengan wajar.

Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menyebut tadi apabila sebut Mahkamah ada hakim. Masalah hakim adalah seorang yang arif, orang yang amat-amat dikehendaki diri mereka masing-masing itu bersifat dengan seadil. Sebab Tuhan sudah berfirman di dalam Al-Quran dengan izin, 'waiza hakamtum bainannaasi antah kumu bil-'adl', apabila kamu hendak hukum di antara manusia bahawa hukumlah kamu dengan keadilan. Apabila kita sebut keadilan, kita manusia ada mempunyai satu perasaan, Dengan sebab itulah mengikut peraturan di dalam syarak kalaulah seorang hakim itu mari satu perasaan, perasaan kita kata perasaan 'wodoh', 'pongoh', makna fikirannya tidak senang, di masa itu tidak boleh dia menjadi Hakim, tidak boleh menjatuh akan hukuman. Jadi, dengan sebab itulah pihak hakim ini mengikut pandangan saya seboleh-bolehnya kena menjadi orang tengah, orang yang tidak

ada perasaan condong kiri atau kanan atau atas atau ke bawah, maknanya tengah betul. Jadi, tidak dapat hendak menjadi seorang tengah kecuali mereka itu mestilah bebas daripada segala-galanya, tidak bergantung, barulah dapat mereka menjalankan hukuman itu dengan seadil-adilnya.

Tetapi walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, kita mesti ingat negara Malaysia kita ini adalah satu negara yang telah diberi kuasa kepada rakyat lima tahun sekali. Rakyat telah memilih siapa yang mereka suka. Berertinya, orang yang dipilih inilah orang yang bertanggungjawab kepada segala-galanya.

Sebagaimana yang kita ada hari ini. Kerajaan Barisan Nasional ialah satu Kerajaan yang dipilih oleh rakyat di dalam pilihanraya baru-baru ini. Di dalam Kerajaan Barisan Nasional kita menubuhkan satu Kerajaan yang kita melantikkan Perdana Menteri dan beberapa Menteri-mentcri yang dipilih oleh Perdana Menteri dengan persetujuan Yang di-Pertuan Agong. Jadi berertilah yang memegang amanah sebenarnya negara kita ini ialah oleh Perdana Menteri. Sebab itulah dinamakan Kerajaan.

Pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, amat tidak sesuai kalaulah seorang yang berkata, "saya kerja mengikut undang-undang Kerajaan, saya tidak boleh ikut parti, saya tidak boleh ikut orang itu, Menteri itu, Menteri ini". Kemudian Kerajaan itu siapa dia? Menteri itu siapa dia? Sebab rakyat telahpun memberi amanah kepada Kerajaan, kepada Menteri. Menterilah yang boleh membuat apa yang dia fikir dengan mengadakan dua Dewan yang terbesar dan yang termulia, Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Tiap-tiap perkara yang dibuat dan diputuskan oleh dua Dewan ini mestilah seluruh rakyat kena patuh, kena taat, kecuali undang-undang itu menyalahi dan menyeleweng atau melawan, membantah hukum syarak. Kalau tidak, mesti kena patuh.

Jadi dengan sebab itulah kalaulah sesiapa sahaja yang menyeleweng ataupun yang tidak patuh kepada pihak Kerajaan terutama kepada Perdana Menteri berertinya orang itu tidak sesuai lagi dia duduk di bawah Kerajaan yang diperintah oleh Perdana Menteri itu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh hal yang demikian sekali lagi saya merayu kepada Hakim-hakim di Mahkamah Juvana ini dan segala juri-jurinya semoga dapat membuat pertimbangan dengan sewajarnya terhadap anak-anak kita ini. Kalau boleh tubuhlah jawatankuasa-jawatankuasa yang memikirkan cara mana untuk hendak menyelamatkan anak-anak kita ini supaya dapat kembali kepada masyarakat dengan sempurna. Ini pun satu perkara yang rumit.

Saya telahpun menyebut beberapa kali dan perkara ini telahpun dibuat tetapi barangkali tidaklah sampai kepada tempat yang dikehendaki. Tidak ada jalan lain untuk membaiki akhlak anak-anak ini kecuali dengan asuhan agama. Kalau dengan cara lain, kemungkinan payah sedikit. Kita memberi penerangan, nasihat secara agama dan kalau kepada orang bukan Islam- secara agama mereka. Sebab semua agama ini tidak membenarkan membuat perkara yang tidak elok semacam mencuri, berjudi, merompak, menyamun, merogol; ini semua agama tidak benarkan. Apatah lagi agama Islam, jauh sama sekali.

Jadi, kalau kita memberi penerangan akibat-akibat kepada mereka, kemungkinan insya Allah mereka akan menerima. Tetapi setakat mana? Apakah kita membuat itu sambil lewa sahaja kepada orang ataupun benar-benar kita tumpu. Sebab perkara ini payah. Saya sebagai orang tua, saya ada pengalaman dalam masalah didikan ini. Perkara ini memang payah.

Saya duduk di bawah guru-guru sahaja 25 tahun. Usahkan benda lain, hendak main sepak tidak boleh. Pada hal perkara itu halal. Hendak main sepak tidak boleh, baik sepak raga, bola sepakkah, tidak boleh. Pukul 3.00 malam mesti kena bangun. Dalam keadaan

19 tahun macam itu pun diri saya rasa tidak berkesan. Tidak sebegitu berkesan, malas. Hendak kepada buat perkara yang tidak baik. Ada lagi perasaan hendak buat benda tidak baik. Ertinya benda ini tidak boleh kita buat sambil lewa, umpamanya kita kata kalau di sekolah, kita beri setengah jam sehari, hal lain 5-6 jam, Jadi payahlah hendak boleh mesra, hendak boleh budak itu benar-benar memahami dan sayang kepada agama ini, payah. Sebab sedikit. Ibarat kalau benda campur, satu per sepuluh. Kalau sepuluh pelajaran, satu dia. Jadi satu per sepuluh ini maklum sahajalah. Kalau air, tidak timbul warnalah!

Jadi, dengan sebab itulah saya menyeru sekali lagi kepada pihak Kementerian Pendidikan, cubalah menambahkan pelajaran agama ini kepada anak-anak kita semoga, insya Allah, anak-anak kita pada masa yang akan datang, yang akan bakal menggantikan kita, menjadi warganegara yang sempurna sebagaimana yang diucap oleh Menteri kita mahu dipanggil "insan soleh". Ini istilah yang digunakan oleh Saudara Yang Berhormat Tuan Anwar Ibrahim, Menteri Pendidikan. Kita mahu manusia, anak-anak kita menjadi insan yang soleh, Kata mudah, tetapi hendak kota, susah. Insan soleh ini maknanya manusia yang baik. Ini matlamatnya. Ini kita hendak Jadi dengan sebab matlamatnya, Saudara Menteri kita hendak perkara ini, kita haraplah tambah lagi mata pelajaran agama ini, kepada anak-anak kita semoga insya Allah anak kita akan sampai kepada darjah, martabat insan soleh. Apabila sampai di situ mahkamah yang kita bincang ini tidak ada lagi. Tidak ada lagi mahkamah sebab semua molek belaka. Tidak ada lagi hendak buat benda yang tidak bagus. Itu dia, Jadi tidak payah lagi kita menggunakan belanja-belanja yang banyak.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja pandangan saya berkenaan dengan masalah ini. Jadi oleh hal yang demikian, saya menyokonglah Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Tau Peng Khoon]: Jika tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat hendak bercakap.....

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Tan Peng Khoo]: Sila Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom.

5.18 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk sama-sama membahas Rang Undang-undang Mahkamah Juvana (Pindaan) 1949.

Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang Juvana 1949 ialah dibuat zaman penjajah lagi. Jadi memang kena pada masanya Kerajaan membawa pindaan ini ke dalam Dewan ini untuk memperkemaskan lagi. Pindaan yang begini pendek, pindaan yang begini sedikit, tetapi rang undang-undang Ibu kepada Mahkamah Juvana ini melibatkan keadaan anak-anak kita di seluruh negara daripada semua keturunan, tidak kira daripada mana asal keturunannya, atau pegangan agama dan adat hidupnya.

Kerajaan memandang berat, sehingga sewaktu penjajah lagi dahulu telahpun memandang berat masalah jenayah yang dilakukan oleh anak-anak di bawah umur. Sehingga sewaktu kita belum merdeka dulu, kita dengar ada sekolah anak-anak nakal di Melaka, di Serendah, di Sungai Besi yang mana sekarang tempat-tempat itu telah ditukar dengan nama yang baik, dengan nama yang molek, tidak menakutkan lagi anak-anak yang dihantar ke situ.

Berbagai-bagi hujah telah disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara ini, saya mengambil sedikit perbincangan untuk bersama-sama menyokong supaya Rang Undang-undang pindaan ini diluluskan dan meminta kepada mereka yang bertanggungjawab yang terlibat langsung dalam hal ini supaya dapat menitikberatkan, yang pertama dan yang utama sekali ialah mencari jalan untuk bagaimana hendak menyelesaikan masalah bajingan cilik. Maknanya, penjahat-penjahat kecil, penjenayah-penjenayah kecil, orang-orang jahat kecil.

Tuan Yang di-Pertua, penjahat-penjahat kecil atau penjenayah-penjenayah kecil ini bukan datangnya dari anak orang-orang kecil, ini terlibat semua. Ada anak orang besar, anak orang berpangkat, anak orang kaya, anak-orang alim, anak orang kecil, anak orang marhalu, jembel, anak nelayan, anak petani, anak buruh, penarik beca dan sebagainya. Perkara ini masih terus berlaku, cuma barangkali di kalangan mereka yang melakukan jenayah-jenayah kecil mengikut Akta ini, kesalahan-kesalahan yang dapat dikesan, dapat ditangkap tidak banyak. Kalau dapat ditangkap keseluruhannya, saya percaya kes yang tertangguh di mahkamah di seluruh negara ini bukan 300,000. Sekarang ini kes yang tertangguh di seluruh mahkamah dalam negeri ini 300,000 lebih kes, kalau campur dengan kes penjenayah-penjenayah kecil ini atau apa yang saya katakan bajingan cilik ini akan meningkat kepada 30,000 - 40,000 kes lagi yang akan tertangguh. Dengan sebab itu kadang-kadang berlarutan satu-satu tuduhan itu sehingga bertahun-tahun seseorang yang dituduh dibawa ke muka pengadilan tidak dapat dijatuhkan hukuman. Tetapi Mahkamah Juvana ini berasingan daripada mahkamah biasa.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita melalui Kementerian Pendidikan pun sudah berubah nama. Dahulu "Kementerian Pelajaran" sekarang sudah bertukar kepada "Kementerian Pendidikan". Hendak mendidik dengan memberi pelajaran, jauh bezanya. Mendidik anak-anak daripada serendah-rendah umur yang mungkin, kita sudah bahaskan dalam Dewan ini dalam soal jawab, ada TASKA, ada TASKI, ada TADIKA, ada TABIKA. Untuk membetulkan itupun kita tidak betul macam mana kita hendak mendidik rakyat jadi betul? Hendak membetulkan nama itu mana satu TASKA mana satu TASKI, mana satu TADIKA, mana satu TABIKA? Hendak dijadikan satu nama yang betul itupun tidak betul, masih tidak betul, masih hendak tunggu Ensiklopedia yang hendak dibuat oleh Dewan Bahasa baru betul. Sedihlah, sudah 31 tahun kita merdeka, masih lagi berkecamuk, sehingga kita bertanya mana satu pra-sekolah ini yang hendak-dipakai?

Tuan Pengerusi, minta izin saya menunjukkan, di sini ejaan "Melaka", tetapi kalau kita pergi ke negeri Melaka, di sana masih ada lagi beberapa tempat, bangunan, kenderaan yang masih menggunakan ejaan "Malacca" - "Malacha". Ialah kalau ejaan baku bukanlah "Melaka" - "Malacha". Kenapa ini tidak betul? Setiap kali saya balik di kampung, balik ke Batu Uban masih ada lagi saya baca "Malacca". Adakah negeri lain dalam Malaysia ini satu "Melaka" dan satu "Malacha"? Ini kena betulkan, malu kita. Hendak betulkan huruf itupun tidak betul, macam mana kita hendak betulkan, mana satu TADIKA mana satu TABIKA, mana satu TASKI mana satu TASKA pun tidak boleh betul. Macam mana kita hendak betulkan anak-anak hendak dijadikan anak-anak yang baik? Sebab itu Mahkamah Kanak-kanak ini sebab kita sudah tahu sudah ada penyakit ini, memang ada penyakit.

Kita dahulupun kanak-kanak, tetapi masa kanak-kanak kita dahulu curi jambu air, curi jambu batu, curi tebu gagak. Menghendap!!! tidak. Di Johor kes menghendap tidak ada. Di Johor, tidak. Menghendap? Eh! tidak, tidak, mengayap pun tidak, di Semenanjung tidak, mengayap di Sarawak. Jadi kesalahan-kesalahan yang berlaku pada tahun 1947 sewaktu undang-undang ini dibuat oleh penjajah dahulu yang naskhah sahnya dalam bahasa Inggeris, yang sebenarnya kami Ahli Dewan inipun tidak tahu naskhah ibunya. Jadi kita hanya membahaskan yang sedikit ini sahaja supaya kalau tidak puas hati boleh bawa peguam, itu sahaja. Makin panjanglah ceritanya. Kalau kes yang besar-besar dibawa peguam, tidak selesai 7 tahun, 10 tahun, nanti kes budak-budak ini kalau dibenarkan bawa peguam pun boleh tidak selesai sampai 10 tahun. Kalau dia cari satu tin susu di supermarket ditungguh sampai 7 tahun, sampai dia sudah nikahpun kes dia tidak selesai. Adakah kita sudah fikir betul-betul perkara ini dibolehkan bawa peguam. Bagi pihak peguam memang sukalah sebab chance pelanggannya bertambah.

Tuan Pengerusi, kita mengingatkan perkembangan negara, ura-ura 70 juta rakyat. Sekarang baru ada 17 juta kita kata boleh terkawal, kita kata boleh dididik, kita kata boleh dibimbing, kita kata boleh dibentuk. Kalau berjaya separuh daripada tujuan itu, syukur alhamdulillah. Tetapi kalau rakyat kita bertambah sampai 30 juta besok, macam mana? Tentulah keadaan ini akan bertambah rumit, bertambah menyulitkan dan mungkin undang-undang ini juga akan ditambah beberapa fasal lagi di masa-masa yang akan datang. Kita lihat sekarang ini, kalau saya sebagai seorang Islam - anak-anak

orang Islam ini telah ditentukan dalam al-Quran, bercakap dengan suara yang kasar di depan ibubapa pun tidak boleh. "Walatakunuffillakuma" - kalau dipanggil misalnya "Mat", "Ooi! " jawab sianak, itupun tidak boleh. Tetapi hari ini kita lihat. Ini semua anak-anak yang daripada TASKA, TASKI, TABIKA, TADIKA, yang dari KBSR akan pergi ke KBSM. Tidak macam kami semua, hanya darjah 4, darjah 5 sekolah atap dahulu, tidak macam kita anak-anak yang sudah dididik dalam TADIKA, TABIKA, TASKI, TASKA ini bila dipanggil, ooi! jawabnya. Sedangkan dalam al-Quran sudah menerangkan, "walatakunuffillakuma". Jadi adakah perlu saya bercakap supaya sistem pendidikan kita ini diterapkan nilai-nilai pengajaran yang seperti itu.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan tentu bersetuju kerana dia bercita-cita hendak menjadikan seluruh anak dalam negara ini sepertimana kata Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor tadi, insan yang baik, insan yang soleh; yang 'soleh' itu makna yang baik, tidak melakukan kesalahan dari Undang-undang Mahkamah Juvana ini.

Kemudian untuk menjadikan manusia-manusia atau anak-anak ini anak-anak yang baik dalam sepotong ayat Al-Quran lagi, anak-anak ini supaya dididik menjadi anak-anak yang di dalam Al-Quran disebutkan: "wabarram biwalidaiih" - Ertinya, "berbakti kepada kedua ibubapa". Jadi apabila hendak mendidik anak supaya berbakti kepada dua ibu bapa sepatutnya dalam negara kita tak ada rumah orang tua yang dihantarkan ke Cheras sana, duduk hendak menunggu Malaikal Maut datang. Kalau anak-anak ini dididik secara berbakti kepada kedua ibu bapa supaya menjadi anak-anak yang "wabarram biwalidaiih".

Kesimpulan dari ini semua, Tuan Yang di-Pertua, mengapa anak-anak ini boleh melakukan jenayah. Kalau dalam syarahan-syarahan agama saya biasa mendengar bukan guru-guru pondok, bukan juru-juru dakwah yang 'celeh-celeh', kata orang yang bersyarah ini. Yang bersyarah ini professor-professor, candakiawan-candakiawan, ilmiah, ahli akademik bersyarah di kampung-kampung, janganlah ibu-ibu memberi susu anak dengan susu lembu, sebab yang menyusu susu lembu itu ialah anak lembu, nanti anak kita semua jadi macam lembu. Apabila dipanggil 'Mat', dia akan menjawab 'Ooooookk', kata dia, kerana dia minum susu lembu. Dan kita takut kalau sebahagian daripada susu tepung itu dibuat daripada lemak ikan paus, akan berendamlah anak itu di dalam air kerana dia panas. Kalau dalam air

sungai tak apa, berendam dalam banjir pun tak apa, ini macam kematian yang berlaku dalam banjir, inipun satu dua kes kematian itu kerana main air, hendak berendam dalam air. Kita takut anak-anak tadi berendam di dalam kedurjanaan, berendam di dalam kepasidan, berendam di dalam kepasigan, berendam di dalam suasana kelam-kabut.

Dalam ucapan saya beberapa bulan, dalam sessi bulan empat yang lalu, saya ada sebutkan masalah 'snooker' telah masuk ke kampung pendalaman, judi 20 sen, 30 sen. Ada dalam Buku Merah Jambu ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya, tetapi apabila saya pergi ke kampung itu, bukan berkurangan, bertambah lagi meja snooker itu jadi dua. Kalau masa saya pergi dahulu satu meja, sekarang dua meja, tiga meja terapat anak-anak main judi, Anak-anak umur 12 tahun, 13 tahun, 14 tahun - SRP, SPM pun belum lagi. Kenapa tak diambil tindakan? Saya sebut nama kampung, ada dalam ucapan saya, saya sebut nama-nama kampungnya. Ini bukan cakap cuma-cuma kerana kita memandang bahawa ini adalah mudharat kepada anak-anak, mudharat kepada masyarakat, tetapi tak ada siapa yang ambil pedulinya. Cakap di dalam Dewan ini macam mencurahkan air ke daun keladi.

Semalam jawapan Menteri, Ioteri ini ada yang berlesen, tak berlesen. Judi berlesen, tak berlesen. Judi yang tak berlesen ini melambak anak-anak ikut main sama. Dia tikam nombor ekor bukan lagi pakai kertas, pakai kertas rokok. Di Banting sana dikatakan "wawei". Pukul 6.00 petang agen akan isytihar siapa yang menang, tikam 20 sen dapat \$12. Siapa budak-budak tak mahu tikam 20 sen, nombor naik dapat \$12. Petik kelapa sawit satu hari pun tak boleh dapat \$12. Ini tikam 20 sen, nombor tiga, tiga angka naik dapat \$12. Inipun tak ambil tindakan. Setengah-setengah yang tukang

ambil tindakan itu pula ikut sama main. Mata-mata ikut sama main. Anak mata-mata ikut sama main. Jadi macam mana kita hendak cakap lagi, sudah tak terang lagikah itu? Kalau tak terang lagi, tak tahulah, saya pun tak mahu hendak bercakap, sudah hendak habis, Tuan Yang di-Pertua. Penat sudah bercakap 6 tahun dalam Dewan ini. Bukan sedikit-sedikit saya bercakap dalara Dewan ini - 6 tahun, macam-macam hal saya sudah cakap, sampai 5 jam saya bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, masalah anak-anak ini:

"walwalidatulyurdikna auladahunna haulaini
kamilaini limanaradhaai yutimmaradha'a
waalmauludilahu rizzikuhunna wakiswatuhunna
bilmakruf"

Itu cara hendak mendidik anak. Ayat Al-Quran menerangkan begitu. Saya bukan alim, tetapi saya baca tafsir Al-Quran, saya baca dan saya mengaji. Ini kewajipan ibu-ibu:

"walwalidatulyurdikna auladahunna
haulaini kamilaini limanaradhaai
yutimmaradha'a"

"Hei ibu-ibu, hendaklah kalau susui anak-anak
kamu itu dengan susu kamu sendiri selama dua
tahun. Kalau tidak mampu memberi susu kamu,
hendaklah kamu sewa ibu susu"

Bukan tin susu. Ini nanti kompi-kompi susu marah kepada saya. Sekarang sudah kempen Kementerian Kesihatan, Kerajaan sudah keluar gambar poster di mana-mana, tampal di kampung-kampung nampak tetek menyusukan anak, tetapi bukan gambar perempuan kita, gambar orang puteh pula itu, itu yang bagusnyanya. Kalau gambar orang Melayu sudah meletup dekat Dewan Perhimpunan Agung UMNO. Nasib baik gambar itu

gambar orang putih. Kalau gambar itu gambar orang Melayu, gambar orang India, gambar orang Cina atau gambar orang Kadazan, orang Iban, sudah meletup dalam perhimpunan parti-parti politik kerana gambar perempuan kita mengeluarkan susunya ditunjukkan, dekat TV pun keluar, sudah tak ada apa-apa. Sudah baguslah kempen itu berjalan.

Pelaksanaannya pula. Jadi kempen itu pelaksanaannya bagaimana? Nanti jawapannya, terserahlah kepada ibu-ibu hendak berikan, tak mahu beri susu sendiri. Itu sahaja. Kita hendak boikot susu dalam tin tak boleh. Itu "walwalidatu".

Kemudian kepada bapa-bapa, kepada kita:

"waalalmauludilahu rizzikuhunna" - Ertinya,

"Hei bapa-bapa, hendaklah engkau beri rezeki yang baik"

"wakiswatuhunna" -

"dan pakaian yang baik"

"bilmakruf" -

"makanan yang baik, pakaian yang baik"

Tidaklah makanan yang dapat dari sumber-sumber yang tidak baik, sumber-sumber yang haram misalannya, sama ada rezeki dari penipuan, macam-macam, kita faham masalah daripada sumber yang tidak baik. Dan memberikan pakaian yang baik kepada ibu yang menyusukan anak, diberi rezeki yang baik, pakaian yang baik. Maknanya di situ, tafsir ayat ini, kalau di negeri sejuk ibu yang menyusukan anak hendaklah diberi pakaian baju panas. Ibu yang menyusukan anak hendaklah diberi makanan yang baik, yang cukup protinnya. Dan sekarang kempen Kementerian Kesihatan sudah dibuat, bagus, saya setuju, cukup bagus berjalan. Tetapi apabila kita pergi ke pedalaman, di kampung-kampung tepi-tepi sungai, di daerah-daerah yang kata orang 'jauh loceng cepat celeng', orang yang masih lagi makan pagi kais pagi, orang yang masih lagi makan sayur pucuk-pucuk ubi.

Jadi, maknanya di dalam cerita ini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa pembangunan masyarakat, pembangunan infrastruktur, pengagihan kekayaan negara ini perlu sekali menyeluruh kepada rakyat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam jawabannya tadi, di dalam masa soal jawab memberi keyakinan kepada saya akan diteruskan sekalipun menerima tentangan mengenai hendak membaiki masalah kehidupan rakyat. Tunggu daripada satu rancangan demi satu rancangan.

Pakaian yang baik, sayangnya dalam negara kita ini belum ada akta pakaian. Apa kata, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya mengesyorkan supaya dalam negara kita ini, Parlimen kita ini, penggubal undang-undang kita ini menggubal satu undang-undang Akta Pakaian. Orang yang berpakaian menjolok mata, menjolok mata; itu dua makna yang lain, jolok dan colok. Kalau menjolok mata itu menyakitkan mata, tetapi kalau mencolok mata, menggiorkan mata, suka memandang terus. Itu kamus dalam Bahasa Jawa.

Baru-baru ini dalam pilihanraya di Parit Raja, yang dimainkan; jawa, jawa, jawa, jawa. Jawa Ponorogo dan Jawa Cirebon. Calon Barisan Nasional - Jawa Ponorogo, calon bebas - Jawa Cirebon, sampai orang Banjar di Parit Raja marah "apak, undi kaum Banjar kadak lakukah"? Ini suratkhbar punya main, bukan saya hendak marah orang suratkhbar, tetapi jangan ditonjolkan sangat. Kalaulah kawasan itu 99% pengundinya Jawa, ada hati pengundi Banjar di situ marah. Itulah yang menyebabkan undi Barisan merosot, jatuh. Nasib baik dapat 413. Media massa ini dalam menulis-menulis pun kadang-kadang menyinggung perasaan.

Jadi, ketua suku Banjar sudah jumpa say a "Eh! Undi Banjar kadak lakukah?"; "Laku"; "Habis macam mana dengan 2,500 pengundi Banjar ini?"; Saya kata "sabarlah, sabar, ini tengah panas, biarkan dahulu, undi sahajalah Barisan, tidak apa, lepas pilihan raya kita tulislah Banjar itu bagus". Sebab ada pantunnya:

Cakap Inggeris, cakap nerakak,
cakap Arab, cakap Syurgak,
cakap Jawa kelam kabut,
Bahasa Banjar juak nan lamah lambut.

Itu, dia syok, dapatlah undi dia. Kalau tidak kalah Barisan di situ. Itu cara hendak kempen. Janganlah main bantai, main bantai orang makin marah - kena berhikmah sedikit kepada suku kaum dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bawa tadi, kalaulah di dalam negara kita ini ada Akta Pakaian. Jadi, pakaian yang menjolok mata, macam malam tadi saya tengok drama Hang Setia. Saya balik, lepas Isya hendak tidur buka TV ingat hendak tengok laporan Parlimen, hendak tengok laporan Dewan Negara, sungguhpun semalam saya tidak bercakap, hendak tengoklah gambar kawan-kawan yang bercakap, rupa-rupanya tidak ada langsung sekarang laporan Parlimen sudah tidak ada langsung dalam TV 1. Sudah kena hapuslah! Jadi, kalau orang luar kata Parlimen sana loceng bunyi 4 kali, 5 kali - sini tidak ada loceng, bagus, di sini korum selalu cukup.

Tuan Yang di-Pertua, kenapa TV ini tidak keluarkan laporan sidang Dewan Rakyat, laporan sidang Negara ini? Pernah kita minta kalau boleh adakan siaran langsung, bukanlah makna sekarang cakap,

sekarang keluar, malam nanti keluarlah gambar itu, Gambar saya tidak keluar tidak apa, sudah hendak habis dah - minggu depan sudah tidak datang sini lagi. Tetapi orang lain, sekurang-kurangnya rakyat akan tengok macam mana orang bercakap di dalam Dewan Rakyat, di dalam Dewan Negara. Oh! Ini Wakil Rakyat dari Batu Pahat bercakap ini Wakil Rakyat dari Pengkalan Chepa, ini wakil Rakyat dari Terengganu, ini Wakil Rakyat dari Perlis. Pengundi dia pun syor. Ini langsung, tidak ada, berita sahaja. Kalau dahulu 15 minit, kita minta tambah 20 minit atau 25 minit tetapi langsung padam.

Jadi, dalam masa kita bercakap ini Tuan Yang di-Pertua, malam tadi drama Hang Setia itu ada seorang budak yang masuk kampung - Kampung apakah namanya dalam drama itu! pakai pakaian yang menjolok mata dan mencolok mata. Jadi, kalau ada akta pakaian, kalau di Kuala Lumpur ini, di Chow Kit atau di pusat-pusat membeli belah, ada anak-anak di bawah umur yang memakai pakaian yang menjolok dan mencolok mata, jika ada Aktanya boleh ditegur melalui undang-undang. Kalau sekarang cuba kita hendak tegur "jangan pakai baju "T", jangan pakai seluar jeans. Jadi, yang pakai seluar jeans ini anak-anak setanlah, ini sudah cakap iblis - pakaian yang melampaui had kesopanan orang timur. Semua orang setuju, bukan orang Melayu sahaja, tetapi semua orang setuju. Ahli-ahli Dewan yang sudah berumur ini setuju, tetapi kalau ada yang tidak setuju ini memang sudah melampau. Setuju! Kalau kita sekat pakaian ini, bukan sekat macam mana, tetapi sekat pakaian yang menjolok mata. Dengan ini akan dapat mengurangkan maksiat mata, Apabila kurang

maksiat mata, kurangnya jenayah mata. Sebab kata ini "apabila mata bertemu mata", kata R. Azmi dahulu, apabila mata bertemu mata, mata dia tidak bercakap, tetapi gelombang hitam putih mata itu boleh membawa ke pokok buluh **[Ketawa]** . Kalau dahulu Lake Garden, masa saya muda-muda di Kuala Lumpur, Lake Garden itu tempat orang berasmara - itu semua daripada gelombang hitam putih mata, sampai ke Lake Garden .

Sekarang bukan itu sahaja, ia melibatkan kepada jenayah, kepada dadah, kepada rogol dan kepada bunuh. Ini kerana jenayah mata. Pandangan, pendedahan yang menggiorkan, yang mengghairahkan, akibatnya nyawa terkorban.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan jikalau RTM ada sekatan kepada artis-artis berpakaian, kita bukan setakat itu sahaja. Artis-artis berpakaian yang menjolok -mata di kaca TV, apa ada fasal? Kalau tengok pun syok sendiri, tengok gambar itu syok sendiri, buat apa? Ini yang betul-betul tengok memang syok. Salah-salah lampu merah tidak nampak, rempuh sahaja, kerana di bawah tiang lampu itu ada makwe-makwe yang berpakaian menggiurkan. Tidak nampak lampu merah, kita ingatkan lampu hijau. Apa salahnya kita adakan akta ini supaya ada pula polis-polis yang meronda khas kerana akhlak pakaian. Sekarang ada polis di bahagian jaga akhlak, tetapi dia serang rumah urut yang tidak berlesen atau dia serang sarang-sarang pelacor yang menyimpan pelacor-pelacor yang datang dari luar negeri yang tidak ada surat Visa.

Saya cakap lagi, Tuan Yang di-Pertua, di Batu Pahat tempat Tuan Yang di-Pertua sendiri sudah ada beberapa puluh rumah urut yang tidak berlesen. Sampai orang di Batu Pahat sekarang ini dikenali sebagai Haadyai of Malaysia. Sampai Yang di-Pertuan Agong mengamuk sekali kerana di Batu Pahat banyak rumah-rumah urut yang tidak berlesen. Kenapa ini berlaku. Sekarang di beberapa pekan yang berhampiran dengan kawasan FELDA, apabila kelapa sawit naik harga, hidup balik kelab-kelab itu, pub-pub, bar-bar, pob-pob, pab-pab - saya pun tidak tahu hendak sebut.

Bandar Kulai, Pekan Kulai, Pekan Senai itu tempat hantu dan jin bertendang, ada lampu neon bergemerlapan melambai-lambai pelanggan dari para peneroka FELDA dan anak-anaknya. Ini tidak berlesen, tetapi kenapa dia dibiarkan?

Tolonglah tengok sebab yang menjadi korban bukan anak orang, bukan anak orang lain, anak kita juga, anak bangsa kita juga, anak masyarakat Malaysia juga yang akan certarik di situ.

Kisah bajingan-bajingan kecil ini pergi merayau, tinggalkan sekolah, tanggal baju sekolah dekat tandas awam, masuk dalam beg plastik kemudian dia tukar, sudah jadi cerita lumrah hari ini. Anak-anak ponteng sekolah sudah jadi lumrah, anak-anak lari tinggalkan emak bapak, tinggalkan keluarga sudah jadi perkara biasa hari ini. Jadi kalau setakat kita hendak bergantung kepada mahkamah kanak-kanak ini sahaja, tidak boleh. Jadi, kita kena balik ke pangkal jalan iaitu pendidikan kepada tunas-tunas muda. Kita pun biasa dengar orang tua-tua kata hendak melentur buluh biar dari rebun, kita dengar dan kita faham, kita ikuti, kita sebut-sebut selalu. Jadi lenturannya dengan adanya Mahkamah Juvana inilah, tetapi mengapa keadaan ini makin hari makin berlarutan, makin hari makin banyak, makin hari, makin menjadi masalah kepada masyarakat, kepada negara, kepada para pemimpin, kepada pihak-pihak yang berkuasa menjadi masalah. Kita percaya semua orang merasakan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita kena balik semula kepada pendidikan anak-anak. Di dalam jawapan Timbalan Menteri Pendidikan, satu soalan mengatakan apa kejayaan KBSR daripada Yang Berhormat Tuan Ibrahim Jendol dari Melaka, jawapannya "anak-anak hari ini lebih berani bercakap, lebih berani berbahas, lebih berani berhujah dengan cikgu". Anak-anak hari ini pada saya pula saya tengok lebih berani bertekak dengan cikgu, lebih berani melawan cikgu, lebih berani mem-

bocorkan tayar kereta cikgu, lebih berani mencakar dinding kereta cikgu, stop cikgu tengah jalan, hendak pukul cikgu, hendak keronyok cikgu. Saya tidak tahu di mana silapnya, banyak sudah berlaku. Dia pecah bilik asrama, mangkuk air di asramakah, cerminakah, dia koyakkan tilamkah, itu sudah banyak kita dengar.

Hari ini anak-anak ini, bajingan kecil ini tadi budak sekolah di asrama sekolah menengah, dia sudah kumpulkan membuat satu kumpulan geng samseng keronyok cikgu tengah jalan, cikgu hendak balik dia tahan, dia kata hendak tumpang balik, selepas itu keluar 5-6 orang daripada tepi rumpun pokok buluh, keliling kereta cikgu. Mengapa ini berlaku? Kita jawab kata disiplin tidak ketat, Pengetua tidak tegas, tukar Pengetua 24 jam, tukar Guru Disiplin 24 jam, ulang balik cerita macam ini. Kenapa ini berlaku, masalah dengan siapa?

Tuan Yang di-Pertua, jadi cerita ini akan berlarut-larut, berpanjang-panjang, tali menali di antara satu dengan yang lain, tidak habis-habis. Kumpulan baling keretapi di sebelah Bukit Mertajam, Nibong Tebal, kumpulan lastik kereta dengan batu gravel kalau masuk kampung, sudah berlaku. Tengok ada kereta yang lebih besar sedikit daripada Proton Saga dilastiknya. Kenapa ini berlaku? Pecah kedai, kalau yang memecah kedai ini orang besar, orang dewasa, oraag berakal, pencuri, dia angkat semua. Ini tidak, yang diambilnya benda-benda yang menjadi kegemaran kanak-kanak, ertinya kanak-kanaklah yang berani panjat loteng masuk dalam kedai. Banyak berlaku kejadian macam ini.

Jadi, saya mengharapkan sangat-sangat kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab, kepada pihak-pihak yang dipertanggungjawabkan, kepada pihak-pihak yang diberi amanah, supaya kita cuba laksanakan amanah ini dan cari jalan hendak menyelesaikan. Kalau dibawa kepada bab Perintah Am nanti, tidak ada arahan - tidak buat, macam paku, tidak kena ketuk dia tidak masuk, paku dengan penukul. Tetapi kata sekarang produktiviti, kecekapan, masa inilah hendak tunjuk kecekapan. Sekalipun tidak ada di dalam General Orders, sekalipun tidak ada di dalam surat pekeliling, tetapi kecekapan macam mana kita hendak selesaikan masalah ini. Sebab pihak-pihak yang diberikan amanah tanggungjawab inipun bukan macam pegawai-pegawai Kerajaan 30 tahun dahulu. Sekarang semua 'U', 'U', 'U', semua 'U', ada 5 'U' atas bahu. Dahulu bau 'U' pun tidak bau, sekarang 'U', maknanya keluaran 'U', bertitle di hujungnya macam-macam. Di mana dia punya cendikiawan, golकर्nya, golongan karyawannya, kata karyawan - karyati; ilmu - ilmuan, tunjuk.

Kami cuma boleh menyarankan, Ahli-ahli dalam Dewan ini hanya boleh menyarankan, memberi bayangan macam mana hendak menyelesaikan masalah ini. Kalau yang bercakap ini dari orang Melayu, masalah ini bukan masalah orang Melayu sahaja; kalau yang bercakap ini dari orang Cina, masalah ini bukan masalah orang Cina sahaja; masalah ini bukan masalah satu kaum, masalah semua kita rakyat Malaysia. Jadi ini adalah beban kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, itulah yang ingin saya sampaikan di dalam perbahasan mengenai dengan Mahkamah Juvana ini sebanyak sedikit sumbangan saya untuk dapat sama-satna kita membetulkan masalah anak-anak, sekalipun mungkin perbahasan yang telah dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, dalam jawapan Menteri nanti tentulah kata ini semua luar daripada pindaan, tidak apalah, luar -

luarlah. Tetapi kalau kita buka dalam buku Malaysia yang Kerajaan buat ini, maknanya buku rasmi - "Peranan Dewan Negara", saya baru baca tadi, Peranan Dewan Negara ialah menegur, mengkritik, membina, inilah kami semua menegur, mengkritik, membina, tetapi janganlah dijawab nanti ini di luar pindaan, di luar bab, di luar perkara. Itu jawapan yang paling senang, kalau saya jadi Menteri pun saya boleh jawab macam itu.

Tuan Yang di-Pertua, peranan kita di sini ingin menegur, mengkritik. Kalau di dalam setiap Akta, dalam kertas biru itu dikatakan menasihatkan, kami menasihatkan. Nasihat iai kadang-kadang orang hendak pakai, pakailah; tidak pakai pun, apa hendak buat, nasihatlah katakan. Tetapi nasihat-nasihat kami ini direkodkan dan akan menjadi khazanah kepada negara, Tuan Yang di-Pertua, dalam buku merah jambu ini. 30 tahun, 20 tahun orang akan kaji, orang akan pergi ke Kutubkhanah Parlimen ini bahawa perkara ini sudah dibahaskan 30 tahun dahulu, sudah dicakapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada tahun sekian, tetapi kenapa tidak diambil tindakan, itu dia. Jadi anak-anak yang tanggungjawabnya, nasibnya sedang kita bahaskan dalam Mahkamah Juvana ini, 20 tahun besok dia akan menjadi seorang sarjana, dia akan mengkaji "Oh, nasib kita sudah dibahas di Dewan Negara, di Parlimen Malaysia 20 tahun dahulu, tetapi kenapa Kerajaan tidak ambil tindakan." Akta pakaian suruh buat, Haji Shahrom sudah cakap 30 tahun dahulu, kenapa tidak buat, itu dia. Kita bertegang urat dalam Dewan ini dengan Menteri mengenai dengan dakwah songsang, dengan penerbitan Arqam dan berbagai-bagai, jawabnya "tidak ada apa, tidak ada apa". Hari ini keluar dalam suratkhobar - haram semua. Takkan semalam jawab lain, hari ini suratkhobar keluar lain.

Kita bercakap lagi, mengenai misalan saya kata masalah geran tanah peneroka FELDA - tidak boleh, tidak boleh. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Tuan Abdul Ghafar Baba kata semua akan diberi geran. Sedap betul, insya Allah, kita akan menang semua dekat FELDA. Tetapi kena kempen cara betul-betul. Kalau kempen tidak betul, cara FELDA jangan main-main, tukul besi naik ke kepala, orang FELDA ialah orang yang sudah 10-12 tahun berjemur di tengah panas. Jadi kalau kita tidak pandai melembutkan hati orang FELDA ini, Tuan Yang di-Pertua, jangan anak harimau hendak diajar mencakar, dia sudah tahu mencakar, tetapi kalau kita tahu di mana pusat harimau, itu dia.

Ramai kita ini semua tahu harimau, tetapi pusat harimau di mana? Pusat harimau tidak di perut dia, kalau hendak cari pusat harimau, carilah di perut dan sampai tua lalu pun tidak jumpa. [Ketawa] Jadi kalau hendak menakluk, hendak melembutkan orang yang garang, kena cari, raba pusatnya dahulu. Jadi begitulah dengan peneroka kita tadi. Tuan Abdul Ghafar yang tahu pusatnya, sebab itulah diberinya geran. Tuan Abdul Ghafar, bukan saya, yang tahu pusat peneroka itu, diberinya geran dahulu. Bagi saya, saya pun ikut syok sama, sebab keluarga saya pun banyak di FELDA itu, tetapi saya fikir, saya menang, saya sudah dapat sekeping tanah 15 tahun dahulu sehingga sekarang tidak dapat geran. 15 tahun dahulu semasa Dato' Harun jadi Menteri Besar, saya diberi sekeping tanah dua ekar, tanah betul dua ekar, tetapi sehingga sekarang tidak dapat geran.

Peneroka FELDA ini, saya takut 30 tahun akan datang pun geran tidak keluar. Maklumlah, ini memang jadi satu penyakit kelemahan di pejabat-pejabat tanah kita - hendak ukur, hendak survey, hendak

pancang batu, hendak tarik rantai, pegawai tidak cukup, elaun tidak ada, macam-macam, 1001 macam alasan. Jadi kalau geran tidak keluar 30 tahun akan datang pun, elok juga, tidak ada sesiapa yang dapat memajak geran itu kepada orang lain. Simpan sahajalah geran itu dekat pejabat FELDA, bagus juga, tetapi dia membaralah 'bohong, janji tahun 1988 hendak beri geran, sampai tahun 1989 pun geran tidak keluar - ini tipu, bohong.' Masa itu kita semua sudah tidak ada, tinggal orang-orang baru, pemimpin-pemimpin baru, pemimpin-pemimpin muda yang akan menghadapi masalah itu besok - hadapilah.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Akta ini untuk diluluskan. Sekian, terima kasih.

6.03 ptg.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, sedap betul mendengar pidato Yang Berhormat Tuan Haji tadi dan saya pun hendak tambah sedikit.

Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang untuk saya menyertai bersama menyokong dan membahar secara ringkas Rang Undang-undang yang bernama Akta Mahkamah Juvana Pindaan 1988.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan sentuh hanya satu aspek. Banyak perkara yang berkaitan telahpun disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum daripada saya, dan saya menyokong di atas teguran, cadangan dan saranan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian pihak Peguam Negara kepada terjemahan istilah 'Juvana'. Sekali imbas bunyi 'Juvana' seolah-olah seperti sejenis bunga, kadangkala seolah-olah

macam sebuah Kelab Golf. Ada yang menyebutnya 'Juana' dalam Dewan ini, ada juga yang menyebutnya 'Jona', ada yang menyebut 'Javana' dan ada yang menyebut hanya 'Jana'. Ini telahpun disebut dalam Dewan ini setakat yang saya mengikuti.

Saya juga tidak nampak bagaimana perkataan ini boleh dieja dengan Jawi dengan tidak hilang bunyi Juvana. Setakat ejaan Jawi ialah 'jim wau ba alif non alif - bunyinya Juvana. Mungkin ini makna lain pula, tidak ada huruf 'va' dalam Jawi. Juvana ini jika dieja dengan Jawi bunyinya tidak tepat, saya tidak tahu bagaimana Utusan Melayu akan ejanya. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, ingginlah saya cadangkan supaya pihak Peguam Negara mencipta istilah undang-undang dengan perkataan yang lebih sesuai disebut, didengar dan dieja dengan Jawi. Mungkin Rang Undang-undang iai hanya disebut sebagai "Akta-Mahkamah Kanak-kanak" sahaja, senang dieja dan senang difaham. Banyak perkataan Melayu yang sedia ada boleh digunakan dan kita tidak perlu mengguna perkataan English hinggakan hilang pula keMelayuan kita dalam hal terjemahan istilah undang-undang baru ini. Maka inilah saya bawa hal terjemahan ini untuk perhatian dan pertimbangan Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya sokong dan terima kaaih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi? Sekiranya tidak ada, saya persilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bertanggungjawab untuk memberikan jawapan.

6.06 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Oo Gin Sun]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat terhadap Rang Undang-undang ini dan turut bangun membahaskan dan seterusnya menyokong pindaan ini.

Saya tidak akan menyentuh satu persatu hujah-hujah yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kerana ada di antara Yang Berhormat telah membangkitkan isu yang sama, Saya rasa cukuplah sekadar saya memberi penjelasan terhadap beberapa perkara penting yang telah dibangkitkan.

Ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan punca kejadian jenayah di kalangan Juvana, Saya rasa ini adalah di luar bidangkuasa Akta yang dicadangkan dipinda kerana segala punca-punca kejadian jenayah yang telah dibangkitkan itu lebih merupakan masalah sosial dan di luar skop mana-mana undang-undang. Bagaimanapun, saya mengambil perhatian akan kebimbangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu menumpukan perhatian terhadap hal anak-anak muda di negara kita ini.

Yang Berhormat Senator Azman Atar telah membangkitkan takrif "orang muda" yang dikatakannya telah tidak diberi penjelasan dalam Huraian. Untuk makluman Yang Berhormat, "orang muda" telah pun ditakrifkan di bawah Seksyen 2(1) Akta itu iaitu "Seseorang yang telah mencapai umur 14 tahun dan di bawah umur 18 tahun".

Untuk makluman Yang Berhormat juga, walaupun Pendakwa Raya diberi kuasa untuk merayu kepada Mahkamah Tinggi, ini tidak bermakna bahawa apabila sampai ke Mahkamah Tinggi setiap keputusan Mahkamah

Juana akan diiakas atau, dengan izin, reverse oleh Mahkamah Tinggi. Apa-apa keputusan pun yang akan dibuat oleh Mahkamah Tinggi atas rayuan Pendakwa Raya akan bergantung kepada segala fakta di hadapan fakta di hadapan mahkamah. Pindaan yang dicadangkan ini adalah untuk memberi peluang kepada Pendakwa Raya merayu dalam hal di mana dia tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Juvana - tidak lebih daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah juri yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Azman, ingin saya merujuk beliau kepada Seksyen 4 Akta itu di mana prosedur di Mahkamah Juvana telah ditetapkan iaitu Majistret Kelas Pertama adalah dibantu oleh dua orang penasihat yang dipilih daripada suatu panel dan seorang daripada dua orang penasihat itu hendaklah jika praktis, terdiri daripada seorang perempuan. Dan fungsi penasihat ini ialah untuk memberitahu dan menasihati mahkamah mengenai apa-apa hukuman terhadap seorang Juvana.

Kepada Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin yang telah mengemukakan 3 soalan di awal hujah beliau, saya ingin meminta maaf kerana tidak dapat memberikan statistik yang diminta oleh beliau di sini. Bagaimanapun saya maklum akan soalan-soalan yang telah dikemukakan dan akan memberi jawapan bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin meredakan kebimbangan Yang Berhormat Senator mengenai prosedur di Mahkamah Juvana. Di sini ingin saya tegaskan bahawa Akta Mahkamah Juvana 1947 telah digubal khusus dengan tujuan melindungi juvana dan kerana itu Akta telah menetapkan prosedur bagi membicarakan kes-kes yang melibatkan juvana dan mahkamah semasa mendengar kes tidak boleh lari daripada prosedur yang telah ditetapkan oleh Akta.

Dengan adanya kuasa bagi Pendakwa Raya merayu, tidaklah bermakna bahawa beliau akan merayu dalam semua kes juvana. Ianya tentu akan bergantung kepada fakta kes dan dapataa atau perintah Mahkamah Juvana. Bagaimanapun demi keadilan, Pendakwa Raya perlulah ada kuasa untuk merayu dan saya rasa kuasa ini tidak akan disalahgunakan.

Seterusnya ingin saya menegaskan di sini bahawa Akta telah menetapkan kuasa-kuasa Mahkamah Juvana apabila kesalahan telah dibuktikan iaitu di Seksyen 12. Tidaklah bermakna bahawa jika kesalahan dibuktikan, Majistret akan menjatuhkan hukuman yang berat dalam semua kes kerana di bawah Seksyen 12 itu beberapa langkah boleh diambil dan tidak semuanya adalah hukuman berat. Umpamanya, mahkamah mungkin memberi amaran dan melepaskan juvana itu kerana ianya dibolehkan di bawah Seksyen 12. Kuasa-kuasa Majistret tidak terhad kepada denda atau Sekolah Henry Gurney, malah banyak lagi alternatif yang boleh diambil dan ianya akan bergantung kepada fakta-fakta kes itu.

Yang Berhormat Senator Azumu Tak dan Senator Dato' Haji Zakaria masing-masing telah menyatakan kebimbangan mereka mengenai kuasa Pendakwa Raya untuk merayu terhadap keputusan Mahkamah Juvana dan berpendapat kuasa ini hanya perlu dilaksanakan dalam kes-kes yang serius sahaja. Di sini sekali lagi ingin saya tegaskan bahawa Pendakwa Raya tidak akan menggunakan kuasa ini sewenang-wenangnya dan akan menggunakan budibicaranya dalam hal ini. Sama ada sesuatu kes ini boleh dianggap serius atau tidak, akan bergantung pada fakta-fakta kes umpamanya kesalahan yang dilakukan, sama ada kesalahan pertama atau sebaliknya dan hukuman yang telah ditetapkan oleh undang-undang bagi kesalahan itu.

Kerajaan juga mengambil perhatian teguran-teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria mengenai Lembaga Penasihat yang dikatakan tidak sesuai.

Yang Berhormat Senator Hamid Arby telah menyarankan supaya ibu bapa dihukum sama atas kesalahan anak-anaknya. Saya rasa Kerajaan tidak dapat menerima saranan ini kerana kecuaiannya ibu bapa dalam menjaga anak-anak bukanlah suatu kesalahan jenayah yang boleh dihukum. Mahkamah hanya boleh menghukum jika ianya suatu kesalahan jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong pindaan ini dan ingin saya terangkan di sini bahawa segala teguran dan syor-syor Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, terutamanya mengenai kekurangan di asrama akhlak dan kelambatan mendengar kes akan diambil perhatian oleh Kerajaan.

Sekiranya saya tidak menyentuh atau memberi jawapan kepada beberapa perkara yang dibangkitkan seperti masalah pendidikan akhlak dan pakaian, bukanlah hasrat saya untuk memberi jawapan yang mudah dengan menyatakan itu di luar bidang kuasa **ini**, tetapi semuanya Kerajaan membahagikan kepada Kementerian mengenai tanggungjawab melaksanakan dan perkara-perkara ini mestilah dijawabkan kepada Kementerian berkenaan.

Mengenai perkataan juvana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dahalan, ingin saya tegaskan di sini bahawa dalam peristilahan Melayu huruf konsonan adalah ditakrifkan dan dalam ejaan Bahasa Melayu Indonesia juga perkataan 'v' adalah ditakrif sebagai salah satu daripada konsonan dan itu merupai sebutan yang tertentu. Untuk maklumkan Yang Berhormat juga Dewan Bahasa juga menggunakan 'v' bagi rujukan 'v' dalam bahasa Inggeris di tempat itu.

Dengan itu, akhirnya saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli yang merabahkan dan menyokong Rang Undang-undang **ini**, Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BIDAN (PINDAAN DAN PERLUASAN)**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****6.19ptg.**

Menteri Kesihatan [Dato' Chan Siang Sun]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan suatu Rang Undang-undang bertajuk Akta Bidan (Pindaan dan Perluasan) 1988 untuk meminda Akta Bidan 1966 dan untuk memperluaskan Akta ini ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dibaca kali yang kedua sekarang.

Akta Bidan adalah suatu Akta yang bertujuan untuk mengawal pendaftaran bidan-bidan, pengawalan perbidanan dan lain-lain perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan perbidanan adalah dijalankan oleh Kerajaan, bidan swasta dan traditional birth attendant, dengan izin, atau bidan kampung. Perkhidmatan ini adalah perkhidmatan yang penting dalam perkhidmatan kesihatan di negara ini. Oleh itu, Kerajaan memandang berat terhadap perkara ini dan juga keselamatan ibu dan bayi dalam perkhidmatan-perkhidmatan perbidanan yang tersebut. Ekoran dari ini, Kementerian berpendapat bahawa pindaan-pindaan harus dibuat kepada Akta Bidan supaya peruntukan-peruntukan dapat diperkukuhkan dan peraturan-peraturan baru dapat digubalkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang terdapat tiga undang-undang yang menguasai pendaftaran bidan-bidan di Malaysia iaitu Akta Bidan 1966 yang digunakan di negeri-negeri di Semenanjung. Kedua, Ordinan Bidan Sabah, [Chapter 78] yang digunakan di Sabah dan yang ketiga Ordinan Bidan Sarawak, [Chapter 113] yang digunakan di Sarawak. Oleh kerana itu, terdapat beberapa perbezaan peruntukan dari segi pendaftaran pengkuatkuasaan terhadap pengamalan perbidanan di tiga-tiga kawasan yang tersebut. Oleh itu, adalah didapati perlu dibuat pindaan kepada Akta Bidan 1966 agar penyeragaman peruntukan dapat dibuat. Pada masa yang sama Akta Bidan 1966 akan diperluaskan ke Sabah dan Sarawak yang mana akibatnya nanti cumalah satu peruntukan mengenai pengamalan perbidanan sahaja digunakan bagi negeri-negeri di Malaysia. Rang Undang-undang yang disampaikan hari ini adalah berkaitan dengan pindaan-pindaan yang akan dibuat kepada Akta Bidan 1966 seperti berikut.

Seksyen 1 subseksyen 1 Akta Bidan yang sedia diperuntukkan bahawa Akta ini dipakai bagi negeri-negeri Malaysia sahaja. Kementerian ini mencadangkan agar satu pindaan dibuat kepada Akta Bidan 1966 serta memperluaskannya ke Sabah dan Sarawak untuk penyeragaman penguasaan profession perbidanan di seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 3 Akta Bidan memperuntukkan penubuhan dan keanggotaan Lembaga Bidan. Buat masa ini bilangan ahli adalah 15. Kementerian berpendapat bahawa keahlian Lembaga Bidan patut menggambarkan profession perbidanan secara keseluruhannya. Maka Kementerian ini mencadangkan pindaan kepada Seksyen ini agar bilangan ahli-ahlinya ditambah dari 15 ke 17.

Seksyen 5 subseksyen 2 Akta Bidan memberi kuasa kepada Lembaga untuk mengarah dikeluarkan dari daftar nama mana-mana orang di atas sebab yang tertentu. Kementerian sedar bahawa peruntukan ini yang memberikan peruntukan, bagi tindakan tatatertib tidak mencukupi untuk mengawasi dan mengawalkan amali perbidanan dengan sempurna. Justeru itu, Kementerian Kesihatan mencadangkan agar satu Bahagian IVA yang baru diadakan bagi kuasa-kuasa tindakan tatatertib yang lebih lengkap. Peruntukan-peruntukan juga diadakan mengenai hukuman, rayuan terhadap hukuman dan restoration nama bidan yang telah dikeluarkan dari buku daftar. Ini adalah untuk menjamin agar perkhidmatan kesihatan ibu dan kanak-kanak adalah dikendalikan oleh orang-orang yang berkelayakan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 6 Akta Bidan memperuntukan rayuan kepada Menteri terhadap pengeluaran nama dari daftar. Kementerian Kesihatan mencadangkan satu Seksyen baru (1A) yang diperuntukkan

bahawa Menteri boleh menggesa, menggegas atau mengubah keputusan Lembaga yang telah dibuat di bawah Seksyen 5 Akta Bidan. Walaupun ada peruntukan rayuan tiada peruntukan untuk memasukkan semula nama dalam daftar, jika sesuatu rayuan itu telah diterima oleh Menteri. Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan mencadangkan satu subseksyen 3 yang baru bagi memperuntukan nama yang telah dikeluarkan dari daftar dimasukkan semula.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 9 Akta ini memperuntukkan perlantikan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia sebagai Pendaftar Lambaga. Kementerian Kesihatan mencadangkan satu pindaan dibuat untuk memperuntukkan bagi perlantikan Ketua Pengira Jururawat Kementerian Kesihatan sebagai Pendaftar lembaga Bidan supaya hal-hal yang berkaitan dengan peruntukan-peruntukan di bawah Akta dan peraturannya boleh diuruskan oleh beliau.

Seksyen 10 Akta Bidan adalah berkaitan dengan daftar. Pada masa ini terdapat dua bahagian dalam daftar bidan iaitu Bahagian I Satu untuk Pendaftaran Bidan Jururawat dan Bahagian II untuk Pendaftaran Bidan. Adalah didapati perlu untuk mendaftar jururawat luar bandar dan tradisional birth Attandance, dengan izin atau bidan kampung, maka kementerian ini mencadangkan satu pindaan untuk menambah bahagian di dalam Daftar daripada dua bahagian yang sedia ada kepada empat bahagian untuk mendaftarkan jururawat luar bandar dalam Daftar Bahagian III dan bidan kampung dalam Daftar Bahagian IV, Pindaan ini akan menentukan pendaftaran kepada semua kategori bidan yang mengamalkan perbidanan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 11 Akta Bidan menetapkan kelayakan untuk pendaftaran dalam Daftar Bahagian I dan Bahagian II. Dengan bertambahnya dua lagi bahagian dalam Daftar maka adalah perlu untuk menetapkan kelayakan bagi mendaftarkan di bahagian-bahagian baru tersebut dalam Daftar. Dengan demikian, Kementerian ini mencadangkan satu pindaan untuk memperuntukkan kelayakan bagi pendaftaran jururawat luar bandar, jururawat masyarakat dan jururawat kesihatan luar bandar dalam Bahagian III Daftar dan Traditional Birth Attendance, dengan izin, bidan kampung dalam Bahagian Empat Daftar. Bahagian Empat Daftar akan dikuatkuasakan selama 10 tahun dari tarikh pindaan ini berkuatkuasa dan keperluannya akan dikaji semula selepas tempoh tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 14 Akta Bidan memperuntukkan bahawa adalah menjadi kesalahan jika seorang mengamalkan perbidanan tanpa pendaftaran di bawah Akta ini. Peruntukan ini akan menjejaskan traditional birth attendant atau bidan kampung mendapatkan pengalaman yang diperlukan untuk melayakkan mereka mendaftar dalam Bahagian IV Daftar. Oleh hal yang demikian, Kementerian Kesihatan mencadangkan satu seksyen baru iaitu 14A dimasukkan untuk membolehkan orang-orang yang tidak berdaftar di bawah Akta ini iaitu bidan-bidan kampung membantu wanita-wanita semasa melahirkan anak di bawah penyeliaan bidan berdaftar untuk melayakkan dirinya didaftarkan di dalam Bahagian Empat Daftar Bidan.

Tuan Yang di-Pertua, kuasa dan tugas bagi pihak berkuasa penyeliaan tempatan yang terdapat dalam Seksyen 19 yang sedia ada tidak mencukupi lagi tujuan pengkuatkuasaan. Oleh itu, Kementerian ini

mencadangkan satu pindaan yang mengganti peruntukan lama dengan satu peruntukan baru yang memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia membuat penyeliaan am ke atas semua bidan berdaftar bagi menyeragamkan pengkuatkuasaan peraturan-peraturan di bawah Akta ini di negeri Sanenanjung, Sabah dan Sarawak,

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta maaf, oleh sebab masa sudah sampai, maka saya tangguhkan Dewan ini hingga hari esok, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

